



● BIL 297 ● 17 - 23 JANUARI 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Ibu bapa waspada scammer



ANAK-ANAK JADI SASARAN >> 2-3

Pendekatan
secara holistik
>> 4

7,000 kekosongan
PPR/PA
>> 7

Pengemis online
jual emosi
>> 9-11

Kanak-kanak sasaran scammer

PERKENAL SUBJEK KESELAMATAN SIBER

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

LANGKAH-LANGKAH pencegahan dari sekarang adalah penting untuk memastikan perlindungan kanak-kanak dalam talian, ujar Pensyarah Kanan di Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Dr Ahmad Wiraputra Selamat**.

Beliau berkata, pendidikan adalah tunjang kesedaran terhadap isu tersebut, maka sewajarnya subjek keselamatan siber dimasukkan sebagai salah satu mata pelajaran utama dalam kurikulum pendidikan.

"Dalam menjayakan langkah ini, pengajar subjek ini perlu mempunyai kepakaran dalam pengetahuan digital, malah sebaiknya pernah terlibat dalam industri.

"Subjek keselamatan siber ini juga boleh memanfaatkan pendekatan permainan dan gamifikasi, agar pelajar dapat menangkap konsep ini dengan lebih berkesan," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Wiraputra berkata, latihan praktikal seperti simulasi ancaman boleh dimasukkan supaya mereka dapat mempelajari bagaimana untuk melindungi diri mereka sendiri di alam siber.

Beliau berkata, anak-anak juga perlu dididik dan diajar menguruskan kata laluan dengan selamat, tidak berkongsi kata laluan dan kaedah betul dalam mengingati kata laluan.

"Libatkan juga mereka semasa kita mempraktikkan perlindungan akaun. Kanak-kanak juga perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah dalam mewujudkan persekitaran rangkaian yang selamat daripada ancaman termasuk mengelak daripada mengklik pautan atau lampiran berniat jahat serta memuat turun kandungan atau aplikasi di luar dari platform perkhidmatan pengedaran digital," katanya.

Menurut Ahmad Wiraputra lagi, di peringkat komuniti, program kesedaran keselamatan siber perlu diperluaskan dengan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Beliau berkata, contohnya Kempen Klik Dengan Bijak yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Penggunaan teknologi juga perlu dimanfaatkan untuk melindungi kanak-kanak. Penyedia perkhidmatan Internet dan aplikasi perlu menyediakan ciri kawalan ibu bapa (*parental control*) yang lebih mesra pengguna.

"Selain itu, algoritma yang mengawal kandungan di platform media sosial perlu direka untuk mengurangkan pendedahan kepada kandungan berbahaya," katanya.

Tambahnya perlindungan kanak-kanak dalam talian penting berikutan beberapa tahun lalu, seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di Malaysia hampir menjadi mangsa jenayah



PENGUNAAN teknologi juga perlu dimanfaatkan untuk melindungi kanak-kanak.

siber apabila diperdaya melalui platform permainan video.

Katanya, penjenayah menggunakan helah memberikan 'hadiah digital' yang lumayan dengan syarat mangsa berkongsi gambar dan butiran peribadinya.

"Keadaan bertambah buruk apabila penjenayah cuba mengatur pertemuan fizikal dengan mangsa.

"Kanak-kanak tersebut bernasib baik apabila aktiviti dan kelakuan anehnya disedari ibu bapa seterusnya melaporkan penjenayah tersebut kepada pihak berkuasa," katanya.

Ahmad Wiraputra berkata, kejadian itu mungkin hanya satu dari ribuan kes yang berlaku melibatkan kanak-kanak di alam siber.

Katanya, sama ada ibu bapa suka atau tidak, 90 peratus kanak-kanak berumur lebih lapan tahun terdedah kepada pelbagai kandungan Internet, sama ada untuk pembelajaran, permainan, hiburan mahupun lain-lain yang mungkin kurang disenangi.

"Laporan 'Mengapa Kanak-kanak Tidak Selamat di Ruang Siber' daripada Forum Keselamatan Siber Global mendapati bahawa 72 peratus kanak-kanak di seluruh dunia berhadapan dengan sekurang-kurangnya satu jenis ancaman

siber dalam talian.

"Ini amat membimbangkan kerana ia boleh memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal, integriti dan privasi golongan muda," katanya.

Tambahnya berdasarkan kajian badan teknologi 'Check Point', hanya 40 peratus ibu bapa sedar bahawa anak-anak mereka telah menghadapi ancaman siber.


Katanya, salah satu bahaya utama ialah penipuan atau *scam* yang menyasarkan kanak-kanak melalui permainan video, media sosial atau e-mel palsu.

"Scammer sering memanipulasi emosi kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat peribadi atau wang daripada mereka.

"Kes penculikan yang dirancang melalui media sosial juga semakin membimbangkan.

"Kanak-kanak yang tidak berhati-hati berkongsi maklumat peribadi seperti lokasi, jadual harian atau gambar diri mereka boleh menjadi sasaran penjenayah," katanya.

Ahmad Wiraputra berkata, ancaman siber seperti buli dalam talian dan eksploitasi seksual turut menjadi isu serius, dengan kesannya yang mendalam terhadap kesihatan mental dan emosi.

Jelasnya, tidak ketinggalan juga ialah pendedahan kepada kandungan tidak sesuai seperti video ganas, bahan lucah, atau maklumat yang menyesatkan pemikiran. 

Ibu bapa ikon utama mendidik

DALAM dunia ini, bukan lagi menjadi fenomena luar biasa jika melihat si kecil seawal usia tiga tahun ralit menatap gajet. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan kebanyakan ibu bapa turut menjadikan peranti tersebut sebagai 'peneman' anak mereka.

Memberi pandangan tentang perkara itu, Pesyarah Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), **Profesor Madya Dr Mohd Dino Khairri Shariffuddin** berkata, anak-anak kecil pada hari ini dilahirkan dalam dunia ledakan teknologi, jadi adalah sukar sekiranya ibu bapa atau penjaga melarang mereka menggunakan telefon bimbit atau apa jua perkara melibatkan Internet.

"Peranti tersebut merupakan keperluan dalam proses pembelajaran untuk mendapatkan ilmu tanpa sebarang batasan. Perkara ini tidak dapat dielakkan. Malah ia bukan lagi satu barangan mewah, namun ia merupakan keperluan.

"Lihat sahaja harganya, ada jenama yang murah, malah ada pula yang boleh dibeli secara ansuran. Saya berpandangan setiap ibu bapa ada alasan tersendiri sama ada ingin membenarkan anak mereka menggunakan telefon pintar secara terkawal atau sebaliknya.

"Namun demikian ini tidaklah bererti ibu bapa boleh melepaskan peranan pemantauan tersebut, mereka boleh sahaja mendalami ilmu *trace* (jejak) kembali apa yang dilayari anak-anak, meletakkan had penggunaan hanya di hujung minggu atau setelah kerja sekolah disiapkan.

"Dalam masa sama ibu bapa boleh mengambil telefon yang diberikan secara 'tiba-tiba' dan melihat apa yang terkandung dalam telefon tersebut," katanya.



MOHD DINO

Tambah beliau yang merupakan seorang pakar dalam isu belia, ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak dengan memberikan jawapan 'why' (kenapa) bagi setiap persoalan yang diajukan.


"Jangan mendidik tanpa memberikan mereka jawapan kerana dikhuatiri mereka akan mencari jawapan di tempat yang tidak sepatutnya. Tambahan lagi *scammer* gemar memilih sasaran yang lebih naif memandangkan anak kecil ini lebih mudah dipujuk.

"Kanak-kanak pada ketika ini merupakan antara pengguna Internet dan aplikasi yang sangat dominan dalam tujuan mendapatkan maklumat, kepelbagaian ilmu dan untuk bermain.

"Mereka perlu kita didik seperti bermain layang-layang ada masanya kita tarik, ada masanya kita lepaskan, kerana sekiranya tali itu terputus, adalah sukar untuk kita menyambung kembali. Jadi sebagai ibu bapa, kitalah yang perlu mencorak dan membantu mereka mencari arah dalam kehidupan ini," ujar beliau.

Mohd Dino berkata, kejayaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyekat 3.1 bilion panggilan disyaki berunsur penipuan sehingga Disember tahun lalu merupakan satu kelegaan.

"Ini merupakan antara langkah terbaik pihak kerajaan. Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan MCMC turut bekerjasama melalui Op Pedo bagi mencegah kegiatan berkenaan Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak (CSAM) yang semakin mengancam kanak-kanak.

"Dalam masa sama, saya yakin jika semua pihak memainkan peranan menggembleng tenaga membendung isu ini, ia dapat dibanteras sebelum menjadi barah dalam masyarakat. Namun, peranan ini seharusnya bermula dari rumah kerana setiap ibu bapa adalah ikon utama bagi mengingatkan kanak-kanak kepada punca *scammer* ini," katanya. 

Gubal pendidikan literasi digital

KEMENTERIAN Pendidikan dan Kementerian Komunikasi disaran duduk berbincang bagi menggubal subjek pendidikan sekolah rendah untuk menerapkan pendidikan literasi digital dalam kalangan murid sekolah sekali gus sebagai agenda negara.

Penganalisis Jenayah Siber yang juga bekas pegawai kanan polis, **Asisten Suprintenden (B) Rahmat Fitri Abdullah** berkata, pendidikan dan literasi digital ini perlu diterapkan kepada golongan berkenaan supaya tidak menjadi mangsa jenayah siber dan penipuan sekali gus melindungi mereka.

"Dunia siber ini sangat luas dan ia terbuka serta digunakan semua pihak malah turut digunakan oleh agensi kerajaan sebagai saluran komunikasi.

"Oleh itu, dengan situasi sekarang ini di mana golongan kanak-kanak didedahkan dengan Internet seawal usia, ia berisiko menjadi mangsa jenayah siber kepada

golongan berkenaan," katanya kepada Wilayahku.

Rahmat menegaskan bahawa golongan ibu bapa perlu lebih bertanggungjawab untuk membendung dan mengawal penggunaan gajet supaya golongan tersebut dilindungi daripada aktiviti tidak bermoral.

"Segala-galanya bermula dari rumah. Ibu dan bapa amat penting menerapkan pendidikan berkenaan dengan gajet dan digital kepada kanak-kanak.

"Perkara ini penting kerana Internet ini tanpa sempadan dan sebarang portal atau laman web yang tidak sesuai turut ada dan boleh dilayari bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata, sikap ibu dan bapa yang membuka akaun media sosial anak mereka seawal usia bayi tidak wajar dilakukan berikutan ia mendedahkan anak tersebut dengan banyak risiko.

"Ini seolah-olah menjadi trend walaupun

akaun itu dikawal ibu dan bapa, tetapi ia tetap tidak wajar dilakukan," katanya.

Rahmat berkata, penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja perlu dihentikan dan mereka hanya boleh menggunakannya pada umur 17 tahun.

"Apabila mereka mula mempunyai akaun media sosial pada zaman kanak-kanak, ada banyak perkara negatif yang akan terdedah kepada mereka," katanya.

Rahmat juga mencadangkan supaya agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) agar lebih proaktif dalam menyebarkan kempen dan literasi digital.

"Walaupun MCMC dilihat bekerja, tetapi mereka perlu lebih proaktif dengan menerbitkan lebih banyak iklan penerangan yang komprehensif dan interaktif supaya semua golongan dapat dilindungi daripada menjadi mangsa jenayah siber," katanya.

Inisiatif kerajaan elak tipu

LANGKAH kerajaan melaksanakan kempen keselamatan dalam talian di sekolah rendah dan menengah seluruh negara merupakan inisiatif terbaik dan perlu disokong bagi mengelakkan golongan pelajar jatuh ke tangan scammer.

Menurut Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual, Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Klang, **Rafidah Saharudin**, era digital yang semakin maju menyaksikan penggunaan Internet dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa menjadi semakin meluas sekali gus ancaman jenayah siber seperti penipuan, buli dan pencurian data peribadi turut meningkat.



RAFIDAH

"Kempen ini dapat memberi pendedahan awal kepada murid tentang cara melindungi diri dalam dunia digital termasuk mengenal pasti ancaman, menggunakan kata laluan yang kuat dan menjaga privasi dalam media sosial.

"Ibu bapa boleh mendapatkan panduan memantau aktiviti anak-anak mereka di Internet manakala guru boleh memainkan peranan sebagai pendidik dan penasihat untuk memastikan keselamatan murid ketika menggunakan teknologi," katanya.

Tambah Rafidah kempen keselamatan siber ini bukan sahaja membantu melindungi generasi muda daripada menjadi mangsa jenayah dalam talian, tetapi juga memupuk budaya penggunaan Internet yang bertanggungjawab.

"Usaha berterusan seperti ini amat penting untuk membina masyarakat yang lebih celik digital dan selamat," ujarnya menyokong saranan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil agar murid sekolah rendah tidak memberi fokus terhadap media sosial.

Sementara itu salah seorang ibu kepada pelajar, **Raifah Abdul Rashid** berkata, kesedaran berkenaan keselamatan dalam talian sememangnya harus dipupuk sedari kecil lagi supaya penggunaan Internet yang positif menjadi budaya atau cara hidup.

"Penggunaan Internet sememangnya tidak dapat dielakkan kerana ia merupakan trend semua negara, namun pemantauan dan kawalan terhadap apa yang ditonton mungkin mampu membantu. Sebagai contoh siaran berbayar, pengguna dapat tetapkan tetapan rancangan yang boleh ditonton umum atau tidak.

"Selain itu, ibu bapa perlu mengaktifkan mod kanak-kanak pada peranti yang digunakan selain menapis serta menggunakan enjin carian selamat khusus buat mereka," ujarnya.



RAIFAH

Kanak-kanak sasaran scammer

UMPAN ANAK DAPAT BUTIRAN PERIBADI

TERDAPAT kemungkinan sindiket akan menggunakan kanak-kanak untuk tujuan scam (penipuan) atau dimanipulasi sindiket scammer untuk mengaut keuntungan secara haram.

Demikian tegas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, **Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf** mengenai taktik demi taktik digunakan sindiket tersebut bagi menjerat golongan kanak-kanak pula.

Secara modus operandinya, anggota sindiket akan menghubungi atau merapati kanak-kanak termasuk remaja bagi mendapatkan nombor akaun atau butiran peribadi ibu bapa atau penjaga masing-masing dan kemudiannya mengakses butiran berkenaan.

Biarpun tidak mendedahkan statistik mengenai anak-anak yang menjadi mangsa scammer itu, namun beliau mahu ibu bapa atau penjaga supaya mengambil langkah berhati-hati.

"Nasihat secara amnya adalah supaya ibu bapa sentiasa berhati-hati dan menasihatkan anak-anak mereka untuk tidak terjebak dalam apa-apa juga pelawaan (daripada pihak) yang disyaki scammer.

"Hal demikian kerana memang terdapat kemungkinan sindiket akan menggunakan kanak-kanak juga untuk tujuan scam. Jadi lebih baiklah berhati-hati, itulah nasihat saya," katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberitahu sepanjang tahun lalu JSJK telah membuka 41,701 kertas siasatan dengan nilai kerugian keseluruhan RM3.11 bilion berkait pelbagai kesalahan jenayah komersial.

Katanya, kes-kes penipuan dalam talian yang disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (kesalahan tipu) mencatatkan sejumlah 35,368 kes bersamaan 84.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dari aspek pertuduhan katanya, sejumlah 16,813 kes atau 40.3 peratus daripada keseluruhan kes yang disiasat telah berjaya dituntut di mahkamah.

Bakinya pula jelas beliau masih dalam siasatan.

"Antara lain, sepanjang tahun 2024 jabatan ini turut memberikan fokus kepada aktiviti pencegahan yang bermatlamat untuk memberikan informasi kepada masyarakat berkaitan ancaman jenayah komersial serta modus operandi terkini yang digunakan agar ia dapat digunakan bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kepada sindiket penipuan.



RAMLI MOHAMED

"Untuk itu JSJK telah melaksanakan sejumlah 10,406 aktiviti pencegahan yang merangkumi pelbagai aktiviti kempen, pameran, ceramah, kolaborasi media dan sebagainya," katanya.

Menurut beliau berdasarkan rekod, kes penipuan dalam talian mencatatkan kategori kes yang tertinggi bagi kedua-dua tahun 2023 dan 2024.

Pada 2023 jelasnya sejumlah 34,495 kes penipuan dalam talian telah dicatatkan dan

jumlah ini bersamaan 85.5 peratus daripada jumlah keseluruhan 40,350 kes yang disiasat pada tahun tersebut.

"Pada tahun lalu, jumlah kes penipuan dalam talian meningkat sebanyak tiga peratus kepada 35,368 kes bersamaan 84.5 peratus berbanding keseluruhan kes yang dicatatkan pada tahun tersebut.

"Walau bagaimanapun perbandingan

terperinci menunjukkan hanya dua kategori jenayah yang menunjukkan peningkatan iaitu jenayah telekomunikasi (peningkatan 42 peratus) selain pelaburan tidak wujud (peningkatan 18 peratus)," katanya.

Ramli berkata, sepanjang tahun lalu sejumlah 2,824 kes phone scam direkodkan dengan kerugian keseluruhan RM142,077,549.77.

Daripada jumlah itu seramai 220 orang mangsa adalah golongan remaja berusia 15 tahun sehingga mereka yang baru menginjak dewasa iaitu 20 tahun.

Bagi kes love scam pula katanya taktik yang digunakan oleh sindiket penipuan semakin kompleks dan pelbagai.

Jelas beliau, ini membuatkan ramai mangsa terjebak dalam perangkap mereka tanpa disedari.

"Jika dilihat berdasarkan pecahan umur, individu berusia 15 sehingga 20 tahun tidak ketinggalan terlibat menjadi mangsa iaitu 32 orang pada 2023 tetapi menurun kepada 23 orang pada tahun lalu," katanya.

Tambahnya peningkatan kes-kes jenayah komersial yang direkodkan pada tahun lalu merupakan impak yang sememangnya dijangka dan ia disebabkan oleh peralihan gaya hidup yang tertumpu kepada penggunaan lebih banyak aplikasi digital.

Oleh yang demikian katanya, dalam mendepani cabaran tahun 2025, JSJK komited untuk memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan melalui program-program latihan yang bersesuaian.

Berikut adalah statistik yang direkodkan bagi kes-kes penipuan dalam talian

Bil	Modus Operandi	Kes	Kerugian (RM)
1.	Jenayah telekomunikasi	14,684	497,123,371.62
2.	Jenayah e-dagang	7,662	70,842,619.51
3.	Pelaburan tidak wujud	6,337	848,629,127.68
4.	Pinjaman tidak wujud	4,103	46,226,600.37
5.	Jenayah e-kewangan	1,812	65,509,466.80
6.	Love scam	770	45,872,765.84



Malaysia-UAE tingkat keselamatan AI

MALAYSIA dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meletakkan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebagai usaha jitu Kerajaan MADANI untuk membina komuniti yang lebih selamat dan terjamin.

Jaminan itu disuarakan Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** yang meletakkan fokus untuk memperbaiki kehidupan rakyat Malaysia menerusi peluang pelaburan asing khususnya menerusi inisiatif Kecerdasan Buatan Malaysia Madani (MMAI).

"Perkongsian antara Malaysia dan UAE akan memanfaatkan kuasa transformatif kecerdasan buatan, analisis data lanjutan dan pengkomputeran berprestasi


tinggi untuk memerangi jenayah, menghalang keganasan dan meningkatkan keselamatan awam.


"Ia mencerminkan komitmen bersama untuk memanfaatkan teknologi sebagai kuasa untuk kebaikan, melindungi nyawa, memajukan inovasi dan menyampaikan perubahan yang bermakna," katanya dalam hantaran di laman Facebook ketika melakukan lawatan kerja dan menghadiri Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW).

Perdana Menteri berkata, memandangkan Malaysia mengambil alih peranan Pengerusi ASEAN dan UAE berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Kerjasama Teluk (GCC) pada 2025, kerajaan bersetuju untuk memanfaatkan

platform seperti Forum Ekonomi ASEAN-GCC bagi mengukuhkan kerjasama kerajaan dan sektor swasta dalam AI.

"Usaha ini akan menghubungkan pembuat dasar serantau, peneraju industri dan inovator untuk menangani cabaran global yang kompleks. Bersama-sama, kedua-dua negara kita menetapkan standard global untuk menggunakan teknologi untuk memajukan keselamatan, inovasi dan kemakmuran bersama," kata beliau.

Beliau sebelum itu menyaksikan Majlis Menandatangani MoU oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Pelaburan UAE, Mohamed Hassan Alsuwaidi. 



ANWAR (dua dari kiri) menyaksikan Majlis Menandatangani MoU untuk bekerjasama menerusi MMAI.

Malaysia menuju Negara Menua 2030

PENDEKATAN SECARA HOLISTIK

LANDSKAP demografi global sedang mengalami transformasi yang mendalam. Banyak negara, termasuk Malaysia, sedang mengalami perubahan ketara ke arah populasi yang semakin tua serta menghampiri status negara menua 2030 sekali gus menimbulkan cabaran dan peluang untuk masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan.

Salah satu cabaran utama negara menua ialah memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas. Ini termasuk menangani keperluan penjagaan kesihatan, menyediakan sokongan sosial yang mencukupi dan mewujudkan persekitaran yang mesra umur. Selain itu, terdapat implikasi ekonomi, seperti potensi tekanan pada sistem pencen, pasaran buruh dan perkhidmatan awam.

Ia turut menawarkan peluang untuk inovasi dan pertumbuhan menerusi *Silver Economy* yang merangkumi produk dan perkhidmatan yang disesuaikan dengan keperluan orang dewasa yang lebih tua, dijangka berkembang maju. Malah kebijaksanaan dan pengalaman generasi lama boleh dimanfaatkan untuk manfaat kepada masyarakat dalam pelbagai cara, seperti melalui bimbingan dan kesukarelawanan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** menekankan kepentingan pendekatan holistik terhadap penjagaan warga emas dalam memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup golongan tersebut sekali gus mencari kaedah tuntas dalam menghadapi cabaran berkenaan.

Katanya, kerajaan turut menyedari kesan ketara cabaran kesihatan, ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh warga emas, justeru itu, pelan tindakan negara menua Wilayah Persekutuan akan



ZALIHA bersama peserta dialog dalam Program Temu Rapat Dr Zaliha Bersama Persatuan, Wakil Masyarakat, Organisasi dan Warga Emas baru-baru ini.

dibangunkan dengan kerjasama erat agensi pusat lain, khususnya Kementerian Ekonomi, bagi memastikan ia diselaraskan dengan keutamaan negara.

"Pelan tindakan ini akan menjadi usaha kolaboratif, melibatkan input daripada wakil masyarakat, organisasi dan pakar.

"Kami faham warga emas mempunyai keperluan tersendiri dan pendekatan pertemuan dengan masyarakat serta persatuan dan organisasi yang terlibat dalam penjagaan warga emas akan dapat mencari jalan untuk menghadapi cabaran tersebut.

"Kami akan menjalankan sesi penglibatan dalam masa terdekat untuk memastikan pelan yang benar-benar inklusif dan komprehensif yang menangani

semua aspek kritikal penjagaan warga emas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Temu Rapat Dr Zaliha Bersama Persatuan, Wakil Masyarakat, Organisasi & Warga Emas di Institut Latihan DBKL di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Zaliha menjelaskan dalam usaha untuk melaksanakan pendekatan dan menguruskan status negara menua, kerajaan memerlukan keazaman politik dan kesungguhan serta sokongan bagi membolehkan sebarang pelan perancangan digubal sebagai panduan kepada negara pada masa depan.

"Kita perlu ada faktor utama yang dapat memandu setiap perancangan yang akan dimasukkan di dalam pelan ini dan

keyakinan ini selari dengan tindakan Kementerian Ekonomi menerusi Pelan Rancangan Malaysia (RMK)-13 sudah mengambil kira elemen masyarakat menua.

"Ia juga membuktikan kerajaan serius merintis langkah ke hadapan dan juga bersedia dan belajar daripada negara lain seperti Jepun dan Singapura dalam menguruskan masyarakat menua," katanya.

Zaliha memberi jaminan bahawa semua maklum balas dan cadangan yang diterima daripada masyarakat akan dipertimbangkan dengan teliti dan dimasukkan ke dalam pelan tindakan akhir.

Beliau menambah, komitmen dan penglibatan masyarakat telah mendorong kerajaan bagi memastikan keperluan dan kesejahteraan warga emas

diutamakan dalam semua keputusan dasar.

"Walaupun populasi warga emas di Wilayah Persekutuan berjumlah kira-kira 12 peratus, kita tidak boleh bersikap lalai, memandangkan Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang 2030.

"Segala input yang diberikan semasa forum itu akan membantu kerajaan menggubal dasar yang lebih sesuai, berkesan dan mampu memberi impak positif kepada warga emas," kata beliau.

Sementara itu, hampir 1,000 peserta mengambil bahagian di dalam sesi dialog berkenaan yang terdiri daripada persatuan penduduk, persatuan kebajikan dan pusat-pusat jagaan warga emas di seluruh Kuala Lumpur dan Putrajaya.



Isu abai 10,000 calon SPM

KPM BERI PERHATIAN

KECOH baru-baru ini apabila ada yang mendakwa lebih 10,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 tercicir daripada mendudukinya.

Segelintir netizen mendakwa kononnya Kementerian Pendidikan (KPM) tidak menyasiat malah membiarkan sahaja 10,000 pelajar itu gagal hadir kertas bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2024 yang sedang berjalan.

Menurut mereka, KPM tidak sepatutnya memandang remeh hal ini memandangkan kegagalan kertas bahasa Melayu akan membawa kepada kegagalan keseluruhan peperiksaan SPM.

Bukan itu sahaja, ada yang mendakwa KPM kurang cakna akan isu tersebut kerana keciciran tersebut kebanyakan calon dari negeri pembangkang yang dilanda banjir baru-baru ini.

Diharap semua pihak bersabar kerana Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh, sebelum ini telah memberi jaminan tidak mengabaikan calon-calon SPM yang tercicir.

Menurut Kah Woh, calon SPM yang berdepan sebarang masalah berkaitan peperiksaan itu digesa memaklumkan kepada bilik gerakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing supaya bantuan sewajarnya dapat diberi kepada mereka terbahit.

Beliau berkata, peluang diberi kepada calon SPM ini bukan saja khusus kepada mereka yang berdepan musibah banjir atau sebarang bencana lain, malah membabitkan perkara lain yang boleh menjejaskan kehadiran mereka ke pusat peperiksaan disediakan.



KPM sedia melaksanakan Op Payung untuk memastikan kehadiran calon ke pusat peperiksaan SPM.

“KPM sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan sepanjang peperiksaan bertulis (sedang berjalan) sehingga 6 Februari depan.

“Bukan saja ditimpa bencana, namun jika calon ada sebarang isu berkaitan peperiksaan, mereka juga boleh menghubungi bilik gerakan JPN supaya KPM dapat membantu dari semasa ke semasa.

“Bagi pelajar di negeri yang terbahit bencana, KPM sedia melaksanakan Op Payung untuk memastikan kehadiran calon ke pusat peperiksaan SPM.

“Pada masa sama, KPM bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) untuk membuat persediaan awal berhubung segala keperluan sekiranya berlaku banjir atau bencana lain,” katanya selepas meninjau hari pertama peperiksaan bertulis SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampong Pasir Puteh, Ipoh, Perak, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kah Woh berkata, berdasarkan pengalaman situasi banjir ketika ujian lisan Disember lalu, KPM yakin mampu mengendalikan

calon terjejas.

“Saya ingat dengan usaha yang sudah kita laksanakan ketika ujian lisan sebelum ini, KPM mampu mengendali situasi berbangkit sekiranya ada, bagi memastikan kebajikan dan kehadiran pelajar ke peperiksaan SPM.

“Kami bersedia untuk apa-apa situasi dan akan membantu pelajar yang terbahit dalam mana-mana isu sedemikian,” katanya.

Sekarang jelas, Kah Woh sendiri sudah menegaskan KPM akan terlibat dalam membantu mana-mana isu yang berkaitan SPM. 📌

PM jamin selesai isu pengagihan

JADI bualan dalam kalangan netizen apabila isu pengagihan gas antara PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) dikatakan gagal mendapatkan keputusan muktamad.

Apa yang tidak sedap didengar, ada yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sengaja mahu mengganggu pendapatan PETRONAS dan lebih mengutamakan PETROS.

Kata mereka, PETRONAS lebih sinonim dengan negeri pembangkang iaitu sumber petroleum dari Terengganu dan Kelantan, manakala PETROS dari Sarawak berada di bawah kerajaan MADANI.

Memetik kata Anwar, beliau percaya isu berkaitan PETRONAS dan PETROS mengenai hak pengagihan gas di Sarawak telah diselesaikan menerusi beberapa siri rundingan termasuk pertemuan beliau dengan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata, tidak ada kemusykilan dalam perkara-perkara

dasar yang perlu dicurigakan kerana Akta Kemajuan Petroleum (PDA) 1974 terpakai untuk seluruh negara dan perkara itu diterima kerajaan negeri Sarawak dan PETROS.

“Tetapi kita (Kerajaan Persekutuan) terima juga kenyataan PETROS diwujudkan untuk beri peluang kepada Sarawak meneroka program cari gali dan pengagihan gas di Sarawak,” kata beliau kepada wartawan Malaysia pada sidang media di akhir lawatan beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Dalam pada itu, Anwar juga berkata, Ordinan Pengagihan Gas 2016 Sarawak tidak akan menggantikan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-undang Persekutuan lain, justeru, kedudukan PETRONAS kekal tidak terjejas.

Beliau berkata, sejak kebelakangan ini wujud suara-suara yang menyatakan kebimbangan mengenai hubungan PETRONAS dan PETROS, serta ada beberapa siri perbincangan melibatkan Peguam

Negara yang turut melibatkan kedua-dua entiti tersebut.

Anwar berkata, pada Januari 2025, beliau bertemu Premier Sarawak dan mereka telah menyelesaikan isu pengagihan gas di Sarawak.

“PDA 1974 terus akan diterima sebagai rangka kerja komprehensif bagi tadbir urus industri minyak dan gas di Malaysia. Keputusan kita, semua perjanjian yang telah termeterai tidak diganggu dan jika diganggu akan mempersulit hubungan dengan syarikat besar antarabangsa, ini telah diterima,” kata beliau.

Anwar berkata, walaupun telah diberikan kepada PETROS untuk menjadi agregator gas dari segi kuasa perundangan namun PETROS turut memperakui tidak akan mengganggu perjalanan sedia ada PETRONAS.

“Ini sama seperti PETRONAS yang ada kuasa di seluruh negara tetapi beri laluan, pengecualian kepada Sarawak dalam bidang pengagihan gas untuk keperluan dalam negeri.

Inilah bidang kerjasamanya.

“Ada perbincangan (mengenai) inisiatif baharu yang diambil Premier Abang Johari. Sama seperti PETRONAS lakukan tidak pernah ada sikap kecualian mana-mana. PETRONAS (untuk projek) di Sarawak akan libatkan PETROS, dan PETROS kalau terlibat usaha cari gali dan usaha lain termasuk hidrogen, kalau di wilayah Malaysia, akan libatkan PETRONAS,” kata beliau.

Anwar berkata, beliau tidak fikir ada masalah lain dalam keputusan itu kerana rundingan bagi projek lain adalah rundingan komersial.

“Dasar kita terima, hormati hak PETRONAS dan hak PETROS dalam beberapa hal di Sarawak,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, tidak seharusnya ada kebimbangan untuk memberi ruang kepada PETROS sebagai agregator gas tunggal di Sarawak kerana sebarang projek berkaitan termasuk yang membabitkan pembiayaan syarikat besar pasti melibatkan PETRONAS di Sarawak. 📌

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

18/1/25: Pameran Pendidikan @ WORQ KL Sentral

16/2/25: KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur

16/2/25: JomRun @ Dataran Merdeka

27/4/25: Ocbc Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka



PUTRAJAYA

19/1/25: Majlis Penyerahan Bendera WP @ Kompleks Kejiranan Presint 11

9/2/25: Putrajaya Inter-Park @ Dataran Putrajaya

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

14-23/1/25: Belon Air Gergasi Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

9/2/25: Larian Hari Wilayah Persekutuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

INTEGRITI RESIPI KUI LUN BERTAHAN DALAM POLITIK

YB menjadi wakil rakyat sejak 1990, sudah melihat banyak corak pentadbiran Perdana Menteri. Apa yang YB nampak dalam perkembangan dan susunan politik, pentadbiran negara selama ini?

Sebagai wakil rakyat sejak 1990 sehingga kini, saya melihat banyak perubahan dalam landskap politik negara.

Setiap pentadbiran (Perdana Menteri), mereka membawa pendekatan dan keutamaan tersendiri.

Cabaran terbesar negara kita termasuk pentadbirannya adalah memastikan kestabilan politik dan pentadbiran yang efisien untuk rakyat.

Kini, saya amat mengharapkan agar Kerajaan Perpaduan hari ini, yang dianggotai banyak parti termasuk daripada Barisan Nasional (BN) serta dari Sarawak dan Sabah dapat memberikan fokus kepada pembinaan negara.

Paling pentingnya adalah menyelesaikan apa jua isu rakyat tanpa mengira ideologi politik mahupun kaum.

Keputusan undian yang diterima YB pastinya majoriti cukup tinggi khususnya sejak Pilihan Raya Umum (PRU) 2008. Apa rahsia YB sehingga kini masih diterima pengundi khususnya di kawasan Bukit Bintang?

Kunci utama adalah kepercayaan dan hubungan erat dengan masyarakat.

Selaku wakil rakyat, saya sentiasa memastikan masalah rakyat didengar dan kemudiannya diselesaikan secepat mungkin. Perkhidmatan yang konsisten dan kehadiran di lapangan menjadi keutamaan saya.

Untuk PRU akan datang, apakah YB masih bersemangat untuk bertanding atau bagaimana?

Sebagai wakil rakyat, tanggungjawab saya adalah berkhidmat untuk rakyat selagi diperlukan.

Walaupun bagaimanapun sama ada saya bertanding atau tidak pada pilihan raya akan datang, ia bergantung kepada keputusan parti dan keperluan pengundi di Bukit Bintang.

Biarpun begitu, fokus utama saya adalah memastikan kawasan ini terus maju dan sejahtera.

Kerusi Parlimen Bukit Bintang sememangnya kerusi cukup selamat bagi Pakatan Harapan (PH). Letaklah siapapun lawannya, PH cukup kuat di kerusi Parlimen tersebut. Komen YB?

Kekuatan PH di Bukit Bintang adalah hasil sokongan rakyat yang memahami dasar dan perjuangan

MENYANDANG kerusi Parlimen Bukit Bintang sejak 1999, malah sebelumnya bertanding di kerusi Parlimen Klang, Yang Berhormat (YB) **FONG KUI LUN** boleh dikatakan 'otai' dalam sepak terajang dunia politik tanah air.

Beliau telah melewati banyak kepimpinan Perdana Menteri dalam sejarah politiknya dan pelbagai rencam kepimpinan negara.

Bertahan sehingga kini, kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau berkongsi apa itu rahsia dunia politik, dari sekian lama di kerusi pembangkang sehingga kini di kerusi penyokong kerajaan.

Paling penting baginya adalah hubungan yang rapat dengan masyarakat supaya masalah dihadapi mereka dapat ditangani segera.



FONG Kui Lun (tengah) ketika menyampaikan hadiah sempena Program Jiwa Komuniti MADANI@Merdeka peringkat Parlimen Bukit Bintang di Kuala Lumpur. Foto: JABATAN PENERANGAN

kami. Namun kami tidak boleh ambil mudah.

Sokongan rakyat perlu terus dipelihara dengan khidmat yang berkualiti dan berintegriti.

Bukit Bintang ibarat 'jantung', nadi Kuala Lumpur. Namun sering kali berdepan isu-isu seperti banjir kilat, premis dikuasai warga asing termasuk isu bekalan air. Ia sedikit sebanyak mencemar imej Kuala Lumpur secara keseluruhannya. Apa pandangan YB mengenai isu sedemikian?

Ini isu yang kompleks tetapi memerlukan tindakan tegas dan sudah pastinya kerjasama semua pihak.

Saya telah dan akan terus mendesak pihak berkuasa untuk menangani isu-isu ini secara tuntas. Perancangan bandar yang lebih baik, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan penyelesaian sistematik adalah kunci untuk menjaga imej Bukit

Bintang dan Kuala Lumpur secara keseluruhannya.

Bagaimana YB melihat perjalanan dua tahun Kerajaan Perpaduan ketika ini?

Kerajaan Perpaduan adalah peluang untuk membuktikan bahawa politik matang boleh membawa kebaikan kepada negara. Perbezaan ideologi harus diketepikan demi kepentingan rakyat. Walaupun terdapat cabaran, saya optimis bahawa kerjasama ini dapat membawa hasil positif jika fokus kekal kepada rakyat.

Prinsip utama yang YB pegang dari dahulu sehingga kini sebagai wakil rakyat?

Prinsip utama saya adalah integriti, keikhlasan dan keberanian untuk menyuarakan isu-isu rakyat. Saya percaya kepada khidmat tanpa rasa takut atau pilih kasih, demi memastikan keadilan untuk

semua pihak.

Apakah warga Bukit Bintang ketika ini hidup sejahtera? Atau ada isu-isu yang kerajaan terlepas pandang mengenai keberadaan mereka?

Secara keseluruhannya, warga Bukit Bintang hidup dalam keadaan baik, tetapi masih terdapat isu-isu seperti kos sara hidup, perumahan dan peluang pekerjaan yang memerlukan perhatian. Saya sentiasa terbuka untuk mendengar dan memperjuangkan keperluan mereka.

Insiden lubang benam di Masjid India. Apa pemerhatian YB terhadap keseluruhan kawasan di Bukit Bintang? Kejadian itu memberi kesan kepada ibu negara secara keseluruhannya.

Kejadian itu adalah peringatan bahawa kita perlu lebih serius dalam aspek pemantauan dan



penyelenggaraan infrastruktur. Saya telah meminta pihak berkuasa menyasat secara menyeluruh dan mengambil langkah pencegahan di seluruh Bukit Bintang bagi memastikan keselamatan warga kota.

Apakah kawasan Parlimen Bukit Bintang masih berdepan isu gelandangan? Atau ia semakin berkurangan? Usaha yang YB lakukan?

Isu gelandangan masih wujud, tetapi dengan kerjasama pihak berkuasa dan badan bukan kerajaan (NGO), usaha menangani masalah ini semakin menunjukkan hasil.

Antara langkah yang diambil adalah menyediakan pusat perlindungan sementara, program latihan kemahiran dan bantuan pekerjaan untuk mengubah kehidupan mereka. 🇲🇾



PRESTASI POLITIK P120 BUKIT BINTANG

(PRU) 1999

● Menang dengan majoriti 1,134

PRU 2004

● Majoriti 304

PRU 2008

● Majoriti 14,277

PRU 2013

● Majoriti 19,399

PRU 2018

● Majoriti 37,260

PRU 2022

● Majoriti 38,977

JAWATAN DALAM PARTI

- Pengerusi DAP Selangor (1995-1997)
- Timbalan Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan
- Bendahari DAP Kebangsaan

Penyewa tidak mohon perbaharui kontrak

7,000 KEKOSONGAN PPR/PA

AZLAN ZAMBRY

LEBIH 7,000 penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) tidak membuat permohonan untuk menyambung penyewaan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar, **Zulkifli Muhamad**, pihaknya telah menghantar notis enam bulan sebelum penyewaan tamat kepada 15,000 penyewa PPR dan PA dan mereka perlu memperbaharui kontrak sewaan.

"Daripada jumlah tersebut, 45.7 peratus atau lebih 7,000 penyewa yang tidak menghantar sebarang pemakluman kepada DBKL sama ada mahu memperbaharui kontrak atau tidak.

"Sekiranya mereka tidak menghantar permohonan untuk memperbaharui kontrak, DBKL akan mengeluarkan notis penamatan penyewaan kepada individu berkenaan serta mereka dikehendaki mengosongkan unit masing-masing," katanya kepada Wilayahku.

Zulkifli berkata, antara sebab utama penyewa tidak memohon memperbaharui kontrak sewaan adalah disebabkan hilang kelayakan



DBKL telah menghantar notis enam bulan sebelum penyewaan tamat kepada 15,000 penyewa PPR/PA.

kerana mempunyai pendapatan melebihi had yang ditetapkan.

"Penyewa ini perlu menghantar permohonan dan mereka mestilah menyertakan sekali penyata pendapatan sebagai dokumen sokongan sebagai kriteria untuk melayakkan penyewa di unit PPR

dan PA.

"Apabila tidak mohon itu, kami percaya bahawa ia berkaitan dengan pendapatan yang telah melebihi had menyebabkan mereka tidak memohon penyambungan kontrak sewaan," katanya.

Menurut Zulkifli, terdapat

pelbagai sebab yang menyebabkan sebahagian besar penyewa ini tidak memperbaharui kontrak sewaan dengan DBKL.

"Antara sebabnya adalah tidak memenuhi syarat seperti mempunyai pendapatan yang melebihi daripada had, ada tunggakan sewaan dan

penyewa mempunyai rumah atau hartanah di dalam jarak radius 35 kilometer (km) dari Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, pihak DBKL akan mendapatkan maklumat penyewa daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mengenalpasti mana-mana penyewa yang mempunyai hartanah.

"Apabila kita membuat semakan, kami pernah mendapati ada penyewa ini mempunyai dua buah rumah, namun mereka enggan melepaskan hak penyewaan dengan pelbagai alasan.

"Malah ada dalam kalangan penyewa yang mempunyai hartanah yang bukan dalam kategori kos rendah malah bernilai lebih RM500,000," katanya.

Justeru itu, beliau berkata pihaknya akan memastikan setiap penyewa mematuhi syarat yang telah ditetapkan sekali gus memastikan kemudahan tersebut dapat diberikan kepada warga kota yang layak.

"Antara penyewa yang diusir adalah sengaja culas membayar sewa, terlibat dengan dadah malah menjadikan unit sebagai stor mengumpul sampah-sampah dan ini juga turut diambil tindakan," katanya



RM260 juta kos urus setahun

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu menanggung kos pengurusan sebanyak RM260 juta setahun untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah kendaliannya.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, **Zulkifli Muhamad**, kos tersebut merupakan perkhidmatan pembersihan, selenggara bangunan, lif dan sebagainya melibatkan keseluruhan 61,504 unit di 67 kawasan PPR dan PA di seluruh Kuala Lumpur.

"Masalah utama yang kita hadapi adalah hanya 30 peratus daripada 39,180 unit sewa yang menjelaskan sewa sebanyak RM124 sebulan tanpa sebarang tunggakan.

"Selain itu, baki sebanyak 19,659 atau 53 peratus mempunyai tunggakan dengan pelbagai alasan serta sengaja tidak mahu membayar sewa kepada DBKL dan untuk unit sudah dijual pula, pemilik sengaja culas melunaskan bayaran penyelenggaraan berjumlah RM45 sebulan," katanya kepada Wilayahku.

Katanya, DBKL telah mempunyai Pelan Penyelenggaraan PPR/PA untuk tempoh 10 tahun dan ia perbelanjaan melaksanakan pelan tersebut menelan lebih RM500 juta dan mempunyai dua fasa.

"Pada tahun ini, kami akan belanja

RM50 juta yang merangkumi kerja-kerja mengecat, menukar tangki dan pam air, menukar lif, buat pendawaian baharu dan ia telah pun ditenderkan dengan menawarkan 19 kerja bagi memenuhi sasaran pelan untuk tahun ini.

"Jika tidak dilaksanakan, ia akan menambah kerosakan sedia ada kerana kemudahan yang ada telah usang dan rosak serta kesemuanya sudah mencecah 20 tahun. Malah di PA Seri Selangor dan Flat Loke Yew, generator sudah berumur 40 tahun dan sukar untuk mencari alat ganti.

"Kita mahu PPR dan PA ini cantik dan selamat untuk penduduk di sana," katanya.

Menurut Zulkifli, sepatutnya bayaran sewaan yang berjaya dikutip akan dikumpulkan di dalam Kumpulan Wang Perumahan (KWP) yang mana depositnya kini mencecah RM2.9 bilion.

"Jika hendak membelanjakan untuk kos pengurusan PA/PPR ini, ia mesti datang daripada sumbernya iaitu KWP dan sepatutnya dana itu bertambah supaya dapat menampung kerja-kerja penyelenggaraan.

"Tetapi dengan prestasi kutipan sewaan yang rendah dan dana semakin kurang, DBKL perlu menambah dan menyerap kos-kos berkenaan," katanya.

Beliau berkata, menerusi jumlah penyewa sedia ada, DBKL sewajarnya mampu mengutip sewaan sebanyak

RM57 juta setahun, namun ia tidak dapat dicapai kerana sikap penyewa itu sendiri.

"Ada seorang penyewa, dia daripada pemindahan setinggian dan sepanjang hampir dua dekad ini, hanya sekali dia bayar sewa dan tunggakannya mencecah RM26,000.

"Ada kakitangan yang pergi untuk menuntut tunggakan, penyewa tersebut akan bertindak provokasi dan itu menyebabkan tunggakan itu semakin meningkat selain dia memberikan pelbagai alasan kerana perpindahan itu bukan yang dimahukannya," katanya sambil menambah pihaknya telah mengambil tindakan mengunci air dan mengusir penyewa tersebut.

Zulkifli menasihatkan kepada penyewa sekiranya mempunyai tunggakan yang banyak, boleh datang untuk berbincang bagi mencari jalan penyelesaian.

"DBKL akan bantu dengan menstrukturkan semula supaya bayaran dapat dibuat. Yang penting datang ke DBKL dan berbincang untuk menjadualkan semula.

"Mungkin bayaran yang dikenakan hanya RM124 sebulan sebelum ini, kita mungkin minta mereka bayar RM200 bagi mempercepatkan tunggakan itu selesai.

"Jika didapati selepas daripada peluang untuk perbincangan penjadualan semula tidak mendapat sambutan, kami akan teruskan tindakan mengunci air. Jika itu tidak menyelesaikan masalah, maka tindakan akhir adalah menamatkan kontrak dan mengusir mereka," katanya.



Usaha bersepadu tangani gelandangan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memerlukan pendekatan bersepadu melibatkan semua pihak termasuk pertubuhan antarabangsa dalam menangani masalah gelandangan di ibu kota.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, kebanyakan gelandangan yang diselamatkan merupakan warganegara yang mempunyai masalah kesihatan serta warga asing yang menjadi pelarian serta mangsa penipuan.

"Menerusi operasi menyelamatkan gelandangan yang dilaksanakan DBKL, ramai dalam kalangan warga asing dan pelarian yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) serta penghidap penyakit mental dan masalah ketagihan.

"Apabila DBKL menjalankan operasi ke atas gelandangan, mereka melakukannya bersama-sama dengan agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977, kerana DBKL tidak mempunyai akta khusus untuk operasi tersebut," katanya kepada pemberita selepas Program Temu Rapat Dr Zaliha Bersama Persatuan, Wakil Masyarakat, Organisasi & Warga Emas di Institut Latihan DBKL di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jelas beliau, pihak berkuasa akan melakukan yang terbaik untuk mengekalkan imej Kuala Lumpur menjelang dua acara besar, Tahun Kepengerusian ASEAN dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Walaupun mustahil untuk mencapai sifar gelandangan di bandar raya, kami cuba mencari kaedah dan pendekatan untuk mengatasi masalah gelandangan ini," katanya.

Bantuan bencana pasca banjir Kelantan

RM300,000 UNTUK 9 KAMPUNG

DIANA AMIR

TIDAK hanya memberi fokus untuk membantu warga Kuala Lumpur sahaja, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut turun padang bagi menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Kelantan.

Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik & IT YWP, **Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir** berkata, misi bantuan kali ini membuktikan pihaknya sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam membantu mereka yang memerlukan meskipun di luar Wilayah Persekutuan.

"Misi bantuan kali ini menyumbangkan wang tunai bernilai kira-kira RM300,000, merangkumi 200 bakul makanan yang mengandungi keperluan asas serta 200 set tilam dan bantal untuk penduduk memerlukan.

"Bantuan ini diagihkan kepada penduduk di sembilan buah kampung yang terjejas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan

keperluan asas mereka terpelihara," katanya.

Ida berkata, bantuan tersebut sebagai memberi sokongan segera kepada keluarga terjejas akibat banjir.

"Selain itu, ia bagi menjamin keperluan asas mangsa pasca bencana dapat dipenuhi serta memupuk semangat solidariti dan keprihatinan dalam kalangan masyarakat Wilayah Persekutuan dan antarabangsa," ujarnya.

Jelasnya pasukan sukarelawan juga telah digerakkan bagi meneruskan agihan sumbangan antaranya di Kampung Kalor dan Kampung Kolam, Kampung Senor, Siput dan Tok Rusa, Kampung Banggol Che Wan, Meranti; Kampung Banggol Setol, Pak Jak dan Kampung Tasek Berangan, Bongor.

"Seterusnya, di Kampung Padang, Banggol dan Alor Mengkuang, Kampung Kenak, Kerasak dan Pohon Buluh, Kampung Bechah Semak dan Slo Machang serta yang terakhir adalah di Kampung Atas Pinggir, Kubang Pak Amin dan Endo," ujarnya.

Dalam pada itu, Ida berkata pihak YWP juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat.

"Ribuan terima kasih kepada Yayasan Kewangan & Ekonomi Antarabangsa (IFE Foundation), Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), NGO Komuniti MADANI Pasir Mas, Angkatan Perkhidmatan Awam Pasir Mas serta pihak Pejabat Daerah Pasir Mas atas sumbangan dan sokongan berterusan dalam menjayakan misi bantuan pasca banjir ini.

"Keprihatinan semua pihak membantu melancarkan usaha ini telah membawa manfaat besar kepada mangsa banjir yang memerlukan.

"YWP turut menyeru kepada semua pihak sama ada individu, syarikat atau organisasi untuk terus bersama-sama menyokong misi-




ANTARA barangan yang disampaikan kepada mangsa banjir di Kelantan.

misi bantuan banjir atau bencana yang berlaku di dalam atau luar negara.

"YWP turut menawarkan pengecualian cukai melalui Seksyen 44(6) kepada sebarang sumbangan tunai yang diberi. Sekecil manapun sesuatu sumbangan, mampu

mencipta perubahan yang bermakna kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Terdahulu, majlis agihan telah diadakan pada 13 Januari lalu bertempat di Perkarangan Stor Skwad Pasir Mas MADANI Kampung Banggol Gelang Mas, Kelantan. 

Bantu 390 anak yatim

SERAMAI 390 anak yatim menyertai Program Inkubasi yang disediakan oleh organisasi Adventist Community Services dan Project Umbrella.

Pengasas propFEST, **Stable Lai** berkata, inisiatif tersebut adalah untuk memastikan anak-anak yatim mendapat sokongan holistik, termasuk biasiswa penuh dan latihan berasaskan kemahiran, yang mempersiapkan mereka untuk masa depan lebih cerah.

"Saya mengalukan-alukan lebih banyak syarikat untuk menyertai program ini bagi menyumbang kepada impak jangka panjang yang mampan," katanya ketika Program Bazaar Amal propFEST 2025 baru-baru ini.

Lai berkata, acara yang dianjurkan oleh Persatuan Amal Semangat Semut (PASS) dan propBUDDIES Sdn Bhd itu merupakan acara amal 16 jam pertama di Malaysia yang menyokong 390 anak yatim.

"Kami juga berjaya melepasi sasaran kutipan dana sebanyak RM300,000 bagi memberi manfaat kepada lebih 30 organisasi yang memerlukan.

"Dalam tahun ketiga ini, kami bukan sahaja mencapai matlamat pengumpulan dana, tetapi turut menerima sokongan sukarelawan luar negara, termasuk dari China, Taiwan, Jepun dan Indonesia, yang hadir dengan perbelanjaan sendiri. Dedikasi ini benar-benar



SERAMAI 390 anak yatim menghadiri program tersebut.

memberi inspirasi kepada kami," katanya.


Tambahnya program tersebut berjaya mencatat Malaysia Book of Records 2024: Tajaan Terbanyak Anak Yatim untuk Tayangan Filem pada tahun 2024.

"PASS bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dalam Marathon Kesedaran Anti-Scam antNERGY, dengan menjemput dan menaja 1,010 anak yatim untuk menonton filem anti-penipuan pertama Malaysia, OPPA, sekali gus mencipta pencapaian baharu dalam Malaysia Book of Records.

"Pada tahun 2025, PASS berhasrat melanjutkan inisiatif ini dengan menjemput 2,000 anak yatim untuk menonton filem Polis Action: Silent Code yang diarahkan oleh Kapten Denil. "Selain itu, para sukarelawan

turut bersatu dengan visi bersama untuk masa hadapan, menetapkan matlamat yang bercita-cita tinggi bagi mengumpul RM400,000 menjelang tahun 2026 dan memastikan sokongan berterusan kepada lebih banyak kumpulan penerima manfaat.

"propFEST 2025 Charity Bazaar bukan sekadar acara, ia adalah satu perayaan penuh jiwa yang meraikan bakat, budaya serta semangat cinta dan kemurahan hati yang tidak berbelah bahagi," ujarnya.

Terdahulu, propFEST2025 berlangsung pada 4 dan 5 Januari di Aurora Place, Bukit Jalil, menarik lebih 2,000 pengunjung dengan 50 gerai yang menawarkan pelbagai barangan dan aktiviti. 

Hubungan minda dan makanan

MEREKA yang bergelut dengan masalah kesihatan mental lebih cenderung untuk mengalami masalah pemakanan.

Menurut Pensyarah Pemakanan & Dietetik IMU University, **Profesor Dr Winnie Chee**, hubungan antara pemakanan dan kesihatan mental telah lama dikaji, namun peranan pemakanan dalam menyokong kesihatan mental masih kurang mendapat perhatian masyarakat.

"Otak kita memerlukan nutrien untuk berfungsi, ia menggunakan glukosa sebagai sumber tenaga, protein untuk neurotransmitter seperti dopamin dan serotonin serta lemak untuk menutup selaput tisu sistem saraf.

"Sehingga kini, beberapa kajian berkokhort besar jelas menunjukkan kaitan antara pemakanan dan gangguan kesihatan mental seperti kemurungan dan kecelaruan keresahan.

"Malah sesetengah kajian juga mendapati hubungan antara pemakanan dan perkembangan gangguan neurokognitif seperti demensia dan Alzheimer's yang disebabkan oleh kekurangan nutrien tertentu," katanya dalam satu kenyataan.


Tambah beliau, terdapat tiga perkara yang perlu difahami mengenai hubungan iaitu hubungan kita dengan makanan adalah rumit, banyak pilihan makanan tempatan

yang sihat dan amalan makan secara berhemah.

"Bagaimanapun, memetik hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023, sebanyak 95 peratus rakyat Malaysia tidak mengambil lima hidangan buah dan sayur setiap hari seperti yang disarankan, malah 50 peratus orang dewasa mengamalkan gaya hidup sedentari dan 84 peratus tidak aktif dalam aktiviti sukan, kecegasan mahupun riadah.

"Lima hidangan sehari sebenarnya tidak banyak, cuma perlu ambil satu setengah cawan sayur seperti sayur berdaun hijau bersama makanan anda dan dua hiris buah seperti betik atau nanas. Tetapi semudah itupun kita tidak buat, walaupun Malaysia ada banyak buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan," katanya.

Bagaimanapun Chee berkata, dalam apa jua langkah yang akan diambil, dia menyokong pendekatan holistik ke arah pemakanan sihat dan kesihatan mental kerana kedua-duanya saling berkaitan.

"Kita perlu memperbanyakkan aktiviti pendidikan supaya rakyat Malaysia mengambil pendekatan yang aktif dan bertanggungjawab terhadap apa yang kita makan kerana pemakanan sihat yang mengandungi pelbagai nutrien, disertai aktiviti fizikal, sangat penting untuk menyokong kesihatan dan kesejahteraan mental, selain mengurangkan risiko kita mengalami masalah kesihatan yang serius," ujarnya. 



Bil 297 . 17 - 23 JANUARI 2025

KELUARGA
SAKIT

SUSU ANAK

BARANG
DAPUR

**PENGEMIS
ONLINE**

jejal
emosi

►►10-11

MUDAH TERMAKAN SENTIMEN SIMPATI

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

TREND meminta sedekah di media sosial semakin menjadi-jadi dengan pelbagai kisah sedih direka untuk meraih simpati. Individu tidak bertanggungjawab hanya bermodalkan ayat-ayat seperti 'anak perlukan susu', 'dapur di rumah sudah tidak berasap' dan 'ahli keluarga sakit' untuk mengaguri mata orang ramai.



ZULFIKAR

Menurut Pegawai Psikologi Kanan Pusat Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Zulfikar Ahmad**, golongan tersebut wujud kerana menyedari rakyat Malaysia sangat pemurah dan mudah termakan dengan sentimen simpati.

"Individu tidak bertanggungjawab ini hanya perlu merangka satu jalan cerita sedih untuk meraih simpati pengguna media sosial. Jumlah yang diminta juga bukanlah besar membuatkan orang ramai tidak berfikir dua kali untuk menderma.

"Taktikal mereka juga boleh dikatakan sama di mana mereka akan menempel di hantaran-hantaran yang mendapat sambutan tinggi di media sosial.

"Kebiasaannya 'pengemis' online ini akan meminta bantuan dengan membalas komen di bawah hantaran mana-mana pempengaruh untuk 'engage' dengan pengikut pempengaruh tersebut," katanya.

Jelasnya taktikal tersebut sama seperti pengemis jalanan di mana mereka akan mengemis di kawasan yang sibuk dan ramai orang.

"Kita juga tidak boleh diagnos bahawa individu-individu itu mengalami masalah mental atau kemurungan kerana mereka sebenarnya waras ketika meminta bantuan.

"Mereka tahu bahawa mereka perlu 'engage' dengan hantaran yang dapat view tinggi untuk menjalankan modus operandi tersebut. Itu bukti bahawa mereka waras," katanya.

Zulfikar berkata, pengemis online ini juga bukanlah mahukan perhatian kerana mereka bergerak sama seperti scammer.

"Ini semua scam sebenarnya kerana kalau mereka perlukan perhatian, mereka tidak akan terus meminta duit tetapi hanya sekadar berkongsi cerita sedih.

"Pada mulanya mungkin orang ramai tidak tahu ia sebuah scam namun apabila modus operandi yang sama digunakan lama-kelamaan orang akan sedar," ujarnya.

Mengulas lanjut, Zulfikar berkata sekiranya seseorang individu ditipu oleh pengemis online berulang kali,

ia akan memberi kesan yang buruk.

"Sekiranya ditipu berulang kali, ia akan membuatkan individu tersebut mudah diserang *anxiety* apabila membuka media sosial serta akan rendah diri kerana merasakan diri mereka terlalu mudah ditipu. Jadi saya nasihatkan untuk berhati-hati bersimpati dengan orang lain," jelasnya.

Jelasnya lagi, pengguna media sosial dinasihatkan selalu mengambil langkah untuk menyemak latar belakang individu yang ingin dibantu sebelum menghulurkan bantuan. Ini bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

TREND NPC JUAL MARUAH

SEBELUM ini tular trend aksi meniru *non-playable character* (NPC) atau watak bukan pemain menerusi siaran langsung di TikTok yang dikatakan sebagai pengemis moden.

NPC merujuk kepada mereka yang muncul di hadapan kamera dan membuat pergerakan yang unik bergantung pada hadiah yang diberikan penonton.


Mengulas perkara tersebut, Zulfikar berkata, trend tersebut adalah cara untuk mendapatkan wang dengan mudah.

"Logiknya orang tidak akan bagi gift tanpa apa-apa imbuhan, sebab itu saya katakan ia sama seperti menjual maruah kerana mereka sanggup lakukan apa sahaja.

"Saya juga tidak bersetuju mengatakan bahawa mereka yang membuat trend ini adalah seorang penghibur kerana untuk menjadi penghibur, ia memerlukan bakat seperti pandai menyanyi dan sebagainya," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Zulfikar berkata, trend yang berleluasa ini juga bakal memberi impak kepada generasi akan datang.

"Sekiranya ia berterusan bimbang akan melahirkan generasi yang beranggapan bahawa ilmu itu tiada nilai kerana boleh mendapatkan wang yang banyak dengan cara lebih mudah.

"Menerusi trend ini juga kita bimbang perlakuan pedofilia boleh berlaku dalam keadaan kita tak sedar," katanya. 



Budaya meminta-minta jejas martabat manusia

DENGAN semakin berkembangnya teknologi dan penggunaan media sosial, isu penyalahgunaan platform dalam talian juga meningkat ketara termasuk kegiatan 'mengemis online' menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram, X dan TikTok.

Guru Takmir Putrajaya, **Ahmad Tarmizi Mahmud** berpendapat pada era masyarakat moden hari ini, kebaikan atau keburukan boleh dilaksanakan dengan mudah melalui pelbagai medium dan kaedah.

"Sebagai contoh, amalan menderma dan menghulurkan sumbangan menjadi semakin mudah dengan kewujudan aplikasi canggih, begitu juga sebaliknya budaya meminta-minta dijemakan dalam pelbagai pendekatan baharu.

"Kadangkala kita tidak dapat membezakan antara perbuatan yang dibenarkan ataupun ditegah oleh syarak kerana menerimanya sebagai trend terkini.

"Sebahagian masyarakat mudah terjebak dengan perbuatan yang sia-sia, mengaibkan dan merendahkan maruah diri melalui pelbagai tindakan dan perlakuan aneh di luar kebiasaan demi mendapatkan perhatian.

"Sama ada sedar atau tidak, amalan meminta sedekah atau mengemis kini bukan hanya dilihat di jalanan tetapi mula menjadi trend di platform media sosial. Mereka merasakan ia jalan pintas untuk mendapatkan wang sehingga ada yang sanggup berlakon sakit dan sebagainya.

"Sedangkan memelihara diri daripada terjerumus melakukan perkara diharamkan adalah merupakan tuntutan

agama sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW: "*Apa yang aku larang kamu lakukan, hendaklah kamu jauhi dan apa yang aku perintahkan kepadamu, maka laksanakanlah sesuai kemampuan kamu.*" (Riwayat Muslim)," katanya.

Beliau turut mengutarakan pandangan bahawa sekiranya seseorang benar-benar dalam keadaan terdesak, memang dibolehkan untuk meminta bantuan.

"Namun, dalam dunia yang penuh dengan fitnah pada masa kini, kita tidak boleh sewenang-wenangnya percaya tanpa usul periksa.

"Islam adalah agama yang memuliakan martabat manusia dengan mengecam amalan meminta-minta. Hukum meminta sedekah tanpa sebarang keperluan yang darurat adalah haram dan dilarang di dalam Islam.

"Larangan tersebut berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Tidak halal menerima sedekah bagi orang kaya dan orang yang sihat tubuh badannya (untuk bekerja).*" (Riwayat al-Nasa'i).

"Tegahan yang sama juga dinyatakan dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Sahl Ibn Hanzaliyyah RA yang menceritakan perbualan Nabi SAW bersama sahabatnya: "*Barangsiapa yang meminta-meminta, padahal dia mempunyai sesuatu cukup untuk dirinya, maka bererti hanya memperbanyak bara api neraka jahanam.*" Lalu para sahabat bertanya: "*Bagaimanakah yang dikatakan cukup baginya?*" Baginda menjawab: "*Sesuatu yang mencukupi untuk*

makan siang dan malam." (Riwayat Abu Daud)

"Ajaran Islam menggalakkan amalan bersedekah namun menggesa penganutnya berusaha mendapatkan pekerjaan bagi mencapai cita-cita dan kejayaan," katanya.

Selain itu, Ahmad Tarmizi berkata, seseorang itu haruslah memastikan bahawa bantuan yang diberikan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

"Dengan adanya penipuan yang semakin berleluasa, kita perlu teliti dalam menilai keperluan sebenar individu yang meminta bantuan.

"Dalam agama Islam, memberi sedekah adalah satu amalan yang mulia, namun ia harus dilakukan dengan penuh tanggungjawab. Tangan yang memberi lebih baik daripada yang menerima," katanya merujuk kepada satu hadis yang menekankan pentingnya memberi bantuan kepada yang berhak.


Oleh itu, beliau menasihati orang ramai untuk menggunakan saluran yang betul jika ingin menyumbang agar dapat berhati-hati dalam saham mengemis itu.

"Pengguna media sosial dinasihatkan mengambil langkah untuk sentiasa menyemak latar belakang individu yang ingin dibantu sebelum menghulurkan bantuan. Ini bagi mengelakkan



diri daripada menjadi mangsa penipuan.

"Sekiranya ragu-ragu adalah lebih baik tinggalkan. Imam An-Nasa'i meriwayatkan hadis

daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda: "*Sedekah yang paling afdal adalah sedekah daripada orang yang serba kekurangan,*" katanya. 



Hilang rasa segan silu

TIDAK dapat dinafikan rakyat Malaysia rata-ratanya adalah pemurah dan tidak pernah lokek dalam berkongsi rezeki dengan orang lain mahupun mereka yang tidak dikenali.

Namun tidak dapat dinafikan juga terdapat segelintir manusia yang suka mengambil kesempatan di atas kemurahan hati orang lain. Seperti dikongsikan salah seorang pengguna media sosial, **Azreen Azim**, dia tidak menyangka menerima mesej kali kedua daripada seorang individu yang pernah dibantu olehnya suatu ketika dahulu.

"Pada mulanya saya tidak fikir apa sangat tapi tiba-tiba dia meminta 'tolong' untuk berikannya sedikit wang tunai buat pembelian susu dan lampin anak.

"Dia juga mengatakan bahawa

dirinya sedang kesempitan wang hingga tidak mampu membeli makanan," katanya.

Azreen berkata, dia terus bertegas bahawa tiada pertolongan untuk kali kedua dan individu tersebut seharusnya berusaha untuk mendapatkan wang sendiri.

"Dia bertindak seolah tiada rasa segan silu. Saya pernah membantunya sebelum ini dengan alasan yang sama namun pada ketika itu saya betul-betul fikir individu tersebut sedang mengalami masalah kewangan.


"Saya mula rasa pelik, jadi saya mengambil inisiatif untuk melihat media sosial individu tersebut dan apa yang mengejutkan adalah dia membuat hantaran sedang berada di sebuah kafe *hipster*.

"Ketika itu saya sedar bahawa saya telah ditipunya sebelum ini.

Jadi nasihat saya adalah siasat terlebih dahulu individu yang ingin dibantu terutama mereka yang 'meminta' di media sosial ini," ujarnya.

Sementara itu, **Hajar Husna** berkata trend meniru aksi *non-playable character* (NPC) atau watak bukan pemain menerusi siaran langsung di TikTok tidak jauh seperti seorang pengemis.

"Bagi pendapat saya ia seperti pengemis moden iaitu meminta *gift* daripada penonton seterusnya melakukan pergerakan yang berulang-ulang.

"Bagaimanapun ada yang menganggap bahawa mereka ini seorang penghibur, ia terpulung kepada tanggapan setiap individu kerana ada yang suka untuk melihat *content* sebegitu dan sebaliknya," ujarnya. 

50 TAHUN KAMEN RIDER

SYUQQREE DAIN

HENSHIN! Bagi penggemar siri Kamen Rider yang berasal dari Jepun, perkataan ikonik itu sudah tidak asing lagi kerana ia sering disebut oleh watak adiwira tersebut sewaktu ingin 'bertukar' atau mengubah diri mereka.

Salah satu karakter yang paling signifikan ialah Masked Rider Black atau lebih dikenali sebagai Kesatria Baja Hitam dalam kalangan peminatnya di Malaysia di mana watak tersebut telah muncul dalam siri Kamen Rider sejak lewat tahun 80-an.


Setelah lima dekad yang penuh dengan aksi, sambutan sempena meraikan ulang tahun ke-50 Kamen Rider telah tiba di Malaysia buat pertama kalinya. Pameran ini berlangsung di Incubase Arena Malaysia, Fahrenheit88, Kuala Lumpur, dari 10 Januari hingga 16 Mac, pukul 10 pagi hingga 10

malam. Ia juga adalah pameran pertama dianjurkan di arena tersebut dan merupakan cawangan antarabangsa pertama Incubase Arena selepas dibuka di Hong Kong pada tahun 2024.

Pameran ini menampilkan lebih 30 watak Kamen Rider dari tiga era utama iaitu Showa, Heisei dan Reiwa. Pengunjung boleh melihat figura bersaiz sebenar 1:1, replika manga, prop televisyen dan kostum pelakon serta boleh membeli barangan rasmi edisi terhad khas buat peminat di Malaysia.

Pameran ini juga menawarkan ruang yang eksklusif untuk mereka yang hadir.

Ia turut disemarakkan bersama siri-siri terbaru seperti ZERO-ONE, SABER, GEATS dan GOTCHARD.

Dengan slogan 'Anda Membesar Dengan Kamen Rider Mana?', pameran ini mengajak pengunjung untuk mengenang nostalgia mereka bersama Kamen Rider. Jangan lepaskan peluang anda untuk menjadi sebahagian daripada sejarah ikonik Kamen Rider di Incubase Arena Malaysia! 





SENYUMLAH, ANDAI ITU MEMBAHAGIAKANMU

JULIANA ANIS RAMLI

SENYUMAN adalah ekspresi muka yang terbentuk dengan melengkungkan sudut mulut ke atas, sering kali dianggap mencerminkan kebahagiaan, keramahan, keseronokan atau positif. Ia adalah satu bentuk komunikasi bukan lisan sejagat, diiktiraf merentas budaya sebagai tanda muhibah atau emosi.

Senyum juga boleh dibahagikan kepada beberapa kategori perasaan iaitu gambaran kegembiraan dan kebahagiaan sebenar. Ia selalunya dikenali sebagai senyuman Duchenne, yang melibatkan bukan sahaja mulut tetapi juga mata, dengan kulit di sekitarnya berkedut. Senyuman adalah lambang kesopanan atau keramahan, yang digunakan sebagai isyarat sosial untuk membuat orang lain berasa selesa.

Bagaimanapun, senyuman juga dikaitkan dengan rasa kegugupan atau rasa malu, di mana kadangkala seseorang tersenyum dalam situasi yang janggal atau tertekan. Manakala senyuman dalam bentuk sarkasme atau ironi adalah bersifat 'pedas', sindiran dan menyakitkan hati



PENSYARAH KANAN.
UNITEN BUSINESS
SCHOOL UNIVERSITI
TENAGA NASIONAL
(UNITEN)



SENYUM memainkan peranan penting dalam kehidupan tanpa kita sedari.

seseorang dalam sesebuah komunikasi.

Namun, bukan semua orang mudah untuk mengukir senyuman. Senyuman yang terukir pastinya datang dari hati yang tulus. Sekiranya seseorang dilanda masalah, pastinya mereka tidak mampu untuk tersenyum. Pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu sukar untuk senyum, antaranya disebabkan faktor psikologi seperti tekanan perasaan, rasa takut, berperasaan negatif manakala kesihatan fizikal termasuk kurang sihat, mengalami penyakit kronik dan faktor perhubungan sosial seperti masalah perkahwinan dan hubungan kekeluargaan atau konflik di tempat kerja.

PERANAN DALAM KESIHATAN MENTAL

SENYUM sangat berkait rapat dengan kesihatan mental, emosi dan fizikal seseorang. Sekiranya dilanda masalah, pastinya sukar untuk mengukir senyuman meskipun hanya terpaksa. Namun, kita digalakkan untuk senyum bak kata mutiara mengatakan bahawa 'senyum itu sedekah', walaupun tidak semua orang memahami dengan konsep senyum tersebut.

Senyum memainkan peranan penting dalam kehidupan tanpa kita sedari. Mengapa senyum itu dianggap sebagai satu sedekah, sedangkan ia hanya suatu perbuatan bersahaja?

Senyum adalah suatu refleksi diri yang memberi manfaat bukan sahaja terhadap dirinya sendiri, malahan pada orang lain yang melihat senyuman itu, di mana ia menggambarkan perasaan yang ikhlas, tenang dan mendamaikan oleh si pemberi senyuman. Mereka yang mampu tersenyum adalah seseorang yang mempunyai kekuatan dalaman untuk berasa tenang dan berdamai dengan masa silam, perasaan dan fikiran negatif.

Menurut kajian, dengan senyuman ia dapat membantu meredakan tahap stres dengan mengurangkan pengeluaran hormon kortisol dan pemacu hormon adrenalin, dan merembeskan hormon-hormon gembira seperti hormon serotonin, dopamin dan endorfin yang membantu meningkatkan mood dan dapat mengawal emosi dan perasaan seseorang.

Senyuman juga mempunyai pengaruh emosi yang sangat kuat dan berkesan terhadap orang lain, sebagai lambang penerimaan, keramahan, kesefahaman dan kasih sayang dalam apa jua perhubungan, tidak kira jantina mahupun usia. Ini kerana, senyuman mampu meningkatkan dan memperbaiki hubungan baik, meredakan perasaan negatif dan membina komunikasi yang positif antara satu sama lain. Dalam masa yang sama, ia dapat membantu meningkatkan mood yang baik dan dapat memperbaiki kesihatan emosi, mental dan fizikal jauh lebih baik daripada sebelum ini.

Tidak dinafikan bahawa kesibukan dalam tugas, tanggungjawab dalam urusan harian, berfikir secara berlebihan (*overthinking*) dan konflik dalam perhubungan menggugat tindakan seseorang untuk melemparkan senyuman. Ini kerana, dalam situasi ini fikiran dan emosi seseorang adalah dalam keadaan kurang stabil, tergesa-gesa dan dipengaruhi oleh elemen negatif dalam diri.

Sikap suka menyalahkan orang lain dan gambaran negatif terhadap seseorang akan memburukkan lagi keadaan dan perhubungan, sehingga akan memberi kesan tidak baik terhadap kesihatan dan kualiti hidup. Harus diingatkan bahawa setiap perkara yang kita fikirkan dan lakukan secara positif, maka yang hadir dan terjadi dalam

hidup kita juga akan menjadi lebih baik dan positif, bak kata pepatah Melayu 'Terpijak di tanah kapur, putih tapak; terpijak di tanah arang, hitam tapak'.

MEREDAKAN PERASAAN

ANTARA langkah yang dapat membantu untuk meredakan perasaan dan emosi ke arah positif melalui senyuman adalah seseorang harus mengenali diri melalui analisis SWOT sendiri. 'SWOT' yang berasal daripada konsep 'S' – *Strength* (bermaksud kekuatan), 'W' – *Weaknesses* (kelemahan), 'O' – *Opportunity* (peluang) dan 'T' – *Threats* (identifikasi ancaman). Kenali diri melalui analisa SWOT dapat membantu seseorang untuk menilai diri sendiri dari sudut dalaman diri (kekuatan dan kelemahan) dan luaran diri (peluang dan ancaman) bagi memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih baik.

Dengan penilaian diri melalui identifikasi terhadap kelebihan diri, kita dapat menghargai diri sendiri dan menganggap diri unik. Manakala kelemahan diri bukanlah untuk kita berasa rendah diri, tetapi menggunakan kelebihan kita untuk memperbaiki kelemahan diri. Dengan cara ini, kita akan rasa lebih tenang dan mensyukuri nikmat Tuhan.

Tidak kurang juga dengan kelebihan yang kita ada, menggunakan peluang yang ada untuk mengembangkan potensi diri dan mahir dalam sesuatu bidang yang kita ceburi. Sesungguhnya dengan peluang ini, sedikit sebanyak dapat meningkatkan kelebihan diri sendiri, yang bukan sahaja dapat memberi manfaat pada diri malahan pada orang lain juga. Maka, tidak seharusnya dengan peluang dan kelebihan yang kita miliki ini dapat menggugat anggapan terhadap potensi

Namun, bukan semua orang mudah untuk mengukir

senyuman. Senyuman yang terukir pastinya datang dari hati yang tulus. Sekiranya seseorang dilanda masalah, pastinya mereka tidak mampu untuk tersenyum.

ancaman terhadap diri kita. Seharusnya kita menggunakan kebijaksanaan untuk menukar ancaman kepada peluang yang lebih baik untuk diri kita di masa hadapan.

Dengan ini, kita akan mampu tersenyum dan terus senyum dalam mencapai kualiti hidup yang lebih baik dan berkesan. Memberi adalah lebih baik daripada menerima, beri positif, dapat positif. Kaedah ke arah membina kesihatan mental yang positif adalah selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI dalam membina kesejahteraan serta mencapai matlamat pembangunan mampan 3 iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan Baik.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Ahli kumpulan MBSB Group

Mohon Pembiayaan Peribadi dengan



Mudah. Cepat. Pantas

Penangguhan Bayaran
3 Bulan

Kadar Pembiayaan Serendah
2.96%
Setahun

Pembiayaan Sehingga
RM 400,000

Imbas sekarang dan nikmati kemudahan di hujung jari anda!



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu dengan rakan sejawatnya, Perdana Menteri Britain, Keir Starmer di 10 Downing Street, London dalam rangka lawatannya ke negara tersebut.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Penyerahan Cek Cura Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Tahun 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Auditorium Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) yang telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.



MENTERI Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani merasmikan Persidangan Minyak Masak Pakistan ke-7 (PEOC) 2025.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengadakan lawatan kerja ke Projek Ladang Satelit Ehsan Tani di Sungai Kelambu, Banting, Selangor.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mengadakan lawatan ke kilang tuna kendalian Labuan Food Industries Sdn Bhd ketika lawatan kerjanya di Labuan baru-baru ini.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menghadiri sesi libat urus bersama pegawai pengurusan Institut Sukan Negara untuk memperhalusi hala tuju pembangunan sukan negara dan usaha memperkasakan atlet Malaysia di peringkat antarabangsa.

WAJAH BAHARU ANJUNG BESTARI

KU SEMAN KU HUSSAIN

KEMAJUAN sesebuah negara tidak sahaja diukur pada pembangunan prasarana, tetapi juga aras intelektual dan pemikiran masyarakat. Sekalipun begitu, pembangunan intelektual dan pemikiran tidak sama dengan mendirikan sesebuah mercu tanda, sebaliknya perlu meningkatkan tradisi ilmu.



PENULIS BEBAS

Salah sebuah tempat yang berperanan mengangkat aras intelektual dan pemikiran dalam masyarakat adalah perpustakaan. Keberadaan dan apresiasi terhadap perpustakaan pula berkait rapat dengan budaya membaca dan tradisi keilmuan dalam kalangan masyarakat sekitar.

Tanpa ekosistem seperti budaya membaca dan tradisi ilmu dalam kalangan masyarakat, perpustakaan mungkin menjadi 'gajah putih' yang tidak dimanfaatkan untuk membangunkan dan meluaskan pemikiran. Perpustakaan penting kerana menyumbang dalam proses menyediakan manusia yang boleh memanfaatkan pembangunan prasarana dengan sebaiknya.

Perpustakaan juga seperti membaca buku, bukan pergi ke situ hanya untuk lulus peperiksaan. Ia tidak ada kena-mengena dengan peperiksaan – sama ada di sekolah atau universiti. Perpustakaan diperlukan sepanjang hayat untuk menjadikan kita manusia lebih berilmu.

Sesetengah pihak menganggap perpustakaan tempat yang membosankan. Keadaannya senyap dan sunyi, tidak boleh berbual-bual seperti di tempat lain. Ia barangkali membosankan kepada yang belum menikmati rasa terhibur yang tersendiri.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur mendukung tanggungjawab yang disebutkan di atas. Sekalipun bangunannya tidak tinggi dan gah mencakar awan, akan tetapi itulah gedung yang menyimpan dan menyediakan sumber pelbagai ilmu kepada kehidupan manusia.

PNM satu-satunya perpustakaan yang



PERPUSTAKAAN diperlukan sepanjang hayat untuk menjadikan kita manusia berilmu.

terbesar, bukan bangunan tetapi buku dan sumber maklumatnya. Jumlah koleksi buku dan nilai buku dalamnya sama ada dalam bentuk fizikal atau digital yang menjadi ukuran. Tidak sahaja buku tetapi juga jurnal yang menyimpan begitu banyak ilmu untuk diambil manfaat oleh pengunjung.

PNM melangkah tahun 2025 dengan wajah baharu Anjung Bestari yang merupakan ruang buku termasuk secara digital. Anjung Bestari yang berwajah baharu dibuka dengan rasminya pada 2 Januari lalu selepas lebih tiga tahun melakukan pengubahsuaian ruang lama. Kini Anjung Bestari menyediakan keselesaan dan kemudahan kepada pengunjung sama ada untuk meminjam atau membaca.

PNM memainkan peranan yang signifikan dalam menyediakan akses pada bahan bacaan, maklumat dan sumber ilmu. Sebagai institusi pendidikan, perpustakaan termasuk PNM memainkan peranan besar dalam meningkatkan kualiti dan taraf pemikiran serta intelektual masyarakat.

Pembukaan semula Anjung Bestari dengan reka bentuk yang lebih moden serta mesra pengguna dilihat berupaya membantu meningkatkan minat dan kecenderungan membaca dalam kalangan masyarakat. Malah kemudahan mengakses maklumat yang menyumbang pada luasnya ruang litup

pemikiran terutama dalam kalangan warga kota.

Dengan sokongan teknologi digital, pengunjung boleh mengakses maklumat digital, e-buku, jurnal dalam talian dan pelbagai lagi bahan bacaan secara mudah melalui platform digital yang disediakan. Hal itu membawa PNM pada aras yang lebih tinggi dalam hal kemudahan dan kebolehcapaian maklumat.

Reka bentuk PNM yang bermotifkan tengkolok songket itu tidak bermula dengan mudah. Awalnya pada akhir tahun 1970-an, PNM hanya beroperasi di Wisma SYS di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dengan jumlah bahan bacaan yang jauh lebih kecil.

Sekalipun begitu, sambutan warga kota terhadap PNM amat cemerlang. PNM menjadi tumpuan pengunjung kerana waktu itu sukar mengakses maklumat dari luar negara seperti buku dan jurnal. Malah surat khabar dari luar negara juga tidak dijual di negara ini.

Maka di PNM pengunjung dapat melihat perkembangan yang berlaku di serata dunia, buku-bukunya tidak ada dijual di kedai-kedai buku biasa di Kuala Lumpur. Malah belum ada lagi kedai buku mega seperti Kinokuniya atau MPH seperti sekarang.

Sebenarnya tanda aras sesebuah perpustakaan bukanlah pada bangunan, tetapi jumlah bahan bacaan yang terdapat di tempat berkenaan. Sekalipun begitu, tidak ada salahnya memberikan wajah baharu yang lebih menarik selain secara berterusan menambah jumlah bahan bacaan.

Maka inisiatif memberikan wajah baharu pada Anjung Bestari adalah suatu langkah tepat, tambahan pula sumbangan PNM yang besar dalam menyediakan ahli masyarakat yang berilmu dan berpemikiran luas. Tambahan pula ruang yang sebelum ini agak tidak begitu selesa untuk menampung pengunjung berbanding yang baharu ini.

Secara peribadi saya mula mengenali PNM ketika beroperasi di Wisma SYS tahun 1984. Saya menghabiskan cuti hujung minggu di PNM kerana di situlah gedung maklumat yang paling besar. Tidak sahaja membaca buku malah sumber maklumat lain seperti jurnal yang banyak membantu kerjaya saya sebagai wartawan.

Pada 1994, saya mengikut PNM yang berpindah ke tapak sekarang di Jalan Tun Razak. Di situlah tempat lepak saya kerana memburu ilmu dan maklumat yang tidak habis diterokai di PNM. Ketika itu selain PNM, saya juga kerap ke Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di Hotel Majestic dan Muzium Negara. Ketiga-tiga entiti itu banyak membantu saya mencorakkan pemikiran dalam kerjaya.

Itulah antara penyumbang daripada aspek

pembangunan manusia khususnya berkaitan intelektual, akhlak, sejarah dan budaya. Di mana-mana negara sekalipun, kemajuan diukur pada prasarana fizikal dan keazaman membangunkan pemikiran manusianya, salah satunya mewujudkan perpustakaan dan galeri seni.

Perpustakaan dalam konteks kita adalah gedung ilmu yang merangkumi pelbagai bidang kehidupan. Maka keberadaan sesebuah perpustakaan bukan sekadar untuk penyelidikan, akan tetapi memanfaatkan ilmu yang boleh menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia.

Berdirinya sebuah perpustakaan, tidak kira sedai mana sekalipun adalah mencerminkan usaha membangunkan manusia dari sudut intelektual, akhliaknya serta rakaman sejarah ketamadunan bangsanya. Maknanya buku yang dimuatkan dalam sesebuah perpustakaan bukanlah benda mati, sebaliknya adalah biji benih yang boleh bercambah kepada individu yang memanfaatkannya.

Statistik menunjukkan PNM mempunyai 4.78 juta bahan merangkumi 4.52 juta bahan bercetak, 98,406 bahan tidak bercetak, 4,974 naskah manuskrip Melayu dan 158,316 bahan digital. Malah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 dulu PNM terus berperanan seperti biasa melalui kempen 'Sila duduk dan baca buku.'

PNM mengambil langkah pantas menyediakan sebanyak 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma. Ini adalah langkah proaktif memastikan orang ramai terus membaca sekalipun hanya boleh bergerak dalam radius 10 kilometer.

Sebagai sebuah perpustakaan awam di negara ini, PNM menjadi institusi yang bertanggungjawab menyimpan catatan sejarah dan kebudayaan bangsa. Masa yang sama adalah pustaka yang memelihara pencapaian intelektual bangsa yang diterjemah dalam bentuk cetak dan digital – misalnya koleksi Malaysiana.


Manuskrip Melayu merupakan koleksi yang bernilai tinggi kerana dihasilkan dengan tulisan tangan dalam jawi pada awal abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Ditulis menggunakan bahasa rumpun dunia Melayu yang menyentuh mengenai alam dan tamadun Melayu.

Mengambil sempena wajah baharu Anjung Bestari PNM, warga kota perlu memanfaatkan kemudahan yang disediakan di situ. Malah menjadi tanggungjawab kepada ibu dan bapa atau keluarga untuk menjinakkan anak-anak dengan tradisi mencari ilmu di perpustakaan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

ANWAR MEMBUKA JALAN CERAH PADA AWAL TAHUN BAHARU

ZULKIFLI SULONG

PERDANA Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memulakan tahun baharu 2025 dengan kunjungan ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan beberapa negara lain lagi selepas itu.

Sebagaimana dijangka, Malaysia berjaya memeterai kerjasama baharu dengan kerajaan UAE dan syarikat besar dari negara teluk itu untuk menjalin kerjasama ekonomi.

Pencapaian utama ialah pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia - Emiriah Arab


Bersatu (MY-UAE CEPA) yang dijangka meningkatkan jumlah eksport negara kepada RM60.74 bilion pada 2025.

"Alhamdulillah, lawatan saya ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) mencapai matlamat untuk memperkukuh hubungan dua hala dan persahabatan Malaysia-UAE.

"Beberapa kerjasama baharu berjaya dimeterai termasuk perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan memperkasa inisiatif kecerdasan buatan (AI) di Malaysia," kata Anwar di Facebook.

Perdana Menteri menyifatkan, sinergi padu antara Malaysia dengan Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA) menjelmakan keyakinan terhadap potensi pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan berdaya saing.

Beliau berkata demikian selepas pertemuan dengan para pemimpin ADIA dan syarikat-syarikat pelaburan dari UAE yang berlangsung di Abu Dhabi baru-baru ini.



ANWAR ketika pertemuan bersama Perdana Menteri UAE, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum di Istana Za'abeel, Dubai.

Sebelum ini, nama ADIA pernah didengar oleh rakyat negara ini dalam isu penyusunan MAHB yang melibatkan Black Rock, satu agensi pelaburan antarabangsa yang dikatakan ada kaitan dengan Yahudi, yang turut melabur.

Namun ia telah dijelaskan dengan baik oleh kerajaan bahawa melalui penyusunan ini, syarikat kerajaan akan menguasai majoriti besar MAHB.

Kini, ADIA mengesahkan penglibatannya dengan MAHB dan juga akan terlibat dengan syarikat pembekalan panel tenaga solar di negara ini. ADIA dikatakan akan melabur RM4.5 bilion di dalam syarikat yang beroperasi di Malaysia.

ADIA akan membantu MAHB yang melibatkan penguasaan Khazanah Nasional berdasarkan pengalaman dengan lapangan terbang utama seperti di Dubai, Abu Dhabi, Heathrow (London) dan Paris.

Walaupun kehadiran Anwar di UAE untuk menghadiri Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025, beliau turut mengambil kesempatan

untuk bertemu tiga pengurusan kanan syarikat utama termasuk juga Mubadala dan Masdar di samping ADIA.

Hasil pertemuan tersebut, Masdar merancang untuk melabur di Malaysia secara usaha sama dengan syarikat tempatan bagi projek tenaga hijau, infrastruktur, bateri utama dan memperkukuh grid tenaga.

Namun sebagaimana biasa, pembangkang dan penyokongnya akan terus mempertikaikan apa sahaja tindakan Anwar. Anwar dikatakan terlalu banyak menghabiskan masa ke luar negara dan banyak berbelanja untuk itu.

Namun ia telah dijelaskan dengan baik oleh pensyarah kanan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali. Bahkan Dr Mazlan memuji langkah Anwar dan jika orang lain yang duduk di tempat beliau, tidak semestinya apa yang dibawa balik oleh Anwar ini boleh dibawa oleh mereka.

Beliau menyifatkan, kejayaan Anwar dalam hubungan

antarabangsanya disebabkan oleh hubungan dan jaringan yang luas antara beliau dengan pemimpin dunia.

"Dia seorang pemimpin yang dipercayai dan dipandang tinggi oleh dunia Islam dan antarabangsa," kata Dr Mazlan kepada media.

Berhubung dengan dakwaan Anwar terlalu banyak membuat lawatan ke luar negara, Dr Mazlan berkata, apa salahnya jika ia untuk kepentingan negara.

"PMX pergi untuk bekerja, bukan makan angin macam pemimpin-pemimpin tertentu. Kita kena lihat apa yang PMX buat. MoU, MoA, bertemu pelabur. Jika ini yang dibuat, tidak menjadi masalah bagi saya.

"Lagipun dia perlu penuh undangan demi menjaga diplomatik," kata Dr Mazlan yang membuat banyak kajian tentang politik Malaysia.

Bagi pemerhati yang lain, kejayaan Anwar meyakinkan para pelabur dari luar khususnya dunia Arab ini adalah rentetan sejarah panjang hubungan

beliau dengan mereka.

"Keakraban yang dibina oleh Anwar dengan rakan-rakan pemimpin negara-negara Teluk sejak puluhan tahun. Insya-Allah kini akan menghasilkan natijah terbaik buat negara.

"Kemasukan FDI dari Arab akan menjadikan Malaysia semakin makmur," kata Mohd Rashidi Hassan, bekas editor media yang kini menjadi salah seorang pembantu beliau.

Pertemuan Anwar dengan pemimpin perniagaan dunia Arab ini mengingatkan penyokong Anwar kepada dua rakan beliau, Tuan Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Datuk Fadzil Mohd Nor.

Mokhtar Anim dalam komennya berkata: "Kalaulah Tok Guru Nik Aziz dan Ustaz Fadhil Noor masih ada..Insya-Allah pasti mereka ada bersama di sini."

Para penyokong Anwar juga berpendapat, dunia lebih mengenali Anwar berbanding perdana menteri sebelum ini hasil daripada asas kukuh yang beliau bina di serata dunia.

"Dunia lebih mengenalinya daripada PM sebelum ini, bukan tak kenal, tapi lebih mengenali PMX, kerana beliau sudah membina asas yang kukuh di serata pelosok dunia, baik timur, barat, utara dan selatan. Kebanyakan pemimpin dunia lebih kenal PMX, lebih mudah berurusan dengan beliau," kata rakan beliau, Teabanyong Yong.

Dengan langkah di awal tahun 2025 ini, Anwar memberikan gambaran pulangan baik untuk Malaysia dan memastikan Kerajaan MADANI akan mengharungi dua tahun terakhir penggal ini dengan lebih cemerlang dan aman.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Tidak hadir ambil SPM



Kandang dalam bandar

KIRA-KIRA 10,000 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 daripada jumlah keseluruhan 402,956 calon tidak mengesahkan kehadiran menduduki peperiksaan yang kini sedang berjalan. Perkara ini didedahkan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Dengan kata mudah, calon terlibat tidak datang menduduki peperiksaan. Peperiksaan bertulis SPM 2024 bermula pada 2 Januari hingga 6 Februari 2025.

Oleh kerana calon tidak menduduki peperiksaan sejak awal, kawan-kawan Kedai Kopi sangsi mengenai kemungkinan mereka akan menghadirkan diri, malah mungkin 'hilang' terus. Pihak Kementerian Pendidikan akan mengemas kini data bagi memperinci jumlah sebenar tidak hadir.

Cuba teliti statistik tidak hadir sejak 2021. Pada tahun itu, calon ponteng berjumlah 10,861 orang daripada keseluruhan 392,837 calon. Pada tahun 2022 yang tidak hadir ialah 14,858 daripada jumlah keseluruhan 388,382 calon. Pada 2023, jumlahnya 10,160 daripada keseluruhan 383,685 calon.

Mereka yang ponteng ini telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan. Tetapi pada waktu peperiksaan, begitu ramai tidak hadir dan tidak menduduki walau satu pun subjek.

Kawan-kawan Kedai Kopi harap Kementerian Pendidikan akan berusaha mengenal pasti punca kenapa gejala ini berlaku serta berusaha mencari penyelesaian terbaik mengatasinya. Kita tidak mahu setiap tahun jumlah calon ponteng begitu ramai.

MACAM-MACAM perangai segelintir warga kota Kuala Lumpur. Ada yang melakukan perbuatan tidak sesuai dengan tatacara kehidupan di bandar raya. Antara yang terbaharu dikesan ialah membela haiwan ternakan seperti ayam, itik dan kambing di sebuah kawasan taman perumahan di Jalan Ipoh.

Haiwan tersebut ditenak di dalam kandang yang dibina secara haram di atas rezab jalan awam milik kerajaan. Memang tepat sekali kandang ini dirobohkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu baru-baru ini.

Operasi turut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pengurusan Air Selangor, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora.

Kandang tersebut bukan sahaja mencerooboh harta kerajaan tetapi pembinaan struktur tambahan telah menutup longkang awam, jalan dan laluan awam. Memang layak ia dirobohkan.

Memelihara haiwan sepatutnya di kawasan khas seperti ladang. Di kawasan kampung pun kerap kita lihat ramai penduduk menternak ayam dan itik dengan membina kandang di kawasan rumah atau kebun. Ini senario biasa di desa.

Namun di bandar, ia tidak sesuai dan tidak dibenarkan. Bandar raya Kuala Lumpur pada asasnya ialah pusat pentadbiran, kediaman dan industri. Oleh itu untuk mewujudkan kawasan ternak secara haram memang wajar dibanteras.

Kerugian RM2.72 juta dicatatkan sepanjang 2024

AMBIL TAHU JENAYAH DEEFAKE

METRA SYAHRIL MOHAMED
 Foto: **SYUQREE DAIN**
 Video: **HASIF HALIMI**

SEPANJANG tahun lalu, sebanyak 454 kes penipuan melibatkan jenayah 'deepfake' dilaporkan melibatkan kerugian RM2.72 juta. Ia satu rekod yang membimbangkan bagi pihak berkuasa negara, ditambah pula dengan kepesatan teknologi kecerdasan buatan (AI) ketika ini.

'Deepfake' atau penipuan dalam talian melibatkan penyebaran video dan imej palsu dengan menyamar sebagai kenalan mangsa atau juga ahli keluarga terdekat.

Lazimnya taktik penipuan digunakan melalui penghantaran mesej di WhatsApp kepada mangsa gagal membezakan sama ada suara atau imej yang dihantar asli atau sebaliknya.

Mangsa kemudiannya akan diminta untuk membuat pemindahan wang ke akaun tertentu yang sebenarnya adalah akaun keldai.

Baru-baru ini seorang pengengaruh media sosial mendedahkan menjadi mangsa 'deepfake' yang dijana melalui AI. Wajah dan suaranya diubah suai bagi mempromosikan sesebuah produk yang tidak pernah dirakam sebelum ini.

Begitulah yang menjadi kebimbangan Kementerian Komunikasi apabila jenayah melibatkan teknologi semakin berleluasa dan berevolusi.

Untuk itu Menteri, **Fahmi Fadzil** menegaskan pihaknya akan melaksanakan kempen kesedaran dan keselamatan dalam talian, khusus untuk murid-murid serta pelajar sekolah di seluruh negara. Selain golongan tersebut, sasaran kempen adalah kepada guru dan ibu bapa.

Tujuannya satu, untuk menyedarkan dan memberi pemahaman kepada ibu bapa,



FAHMI (tengah) melihat anak-anak Orang Asli Kampung Kelinsing menggunakan perkhidmatan di NADI yang diwujudkan di kampung tersebut.

guru dan murid sekolah mengenai keselamatan dalam talian.

Ini bagi mengelak mereka berterusan menjadi mangsa penipuan serta jenayah dalam talian, yang telah mengumpulkan jumlah kerugian besar kepada mangsa.

Biarpun program bercorak kempen bukanlah sesuatu yang diminati ramai namun bagi pihak kementerian, ia begitu penting, supaya tiada lagi mereka yang tertipu dengan penipuan dalam talian atau *scammer*.

"Dalam tempoh beberapa minggu lagi, akan diadakan kempen kesedaran di sekolah untuk tingkat

pemahaman serta kesedaran tentang keselamatan dalam talian bagi ibu bapa, guru dan murid sekolah rendah.

"Kita mahu mereka tidak beri sebarang fokus kepada media sosial, maksudnya *no social media* pada peringkat sekolah rendah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Kampung Angkat MADANI Kementerian Komunikasi di Kampung Orang Asli Kelinsing, Sepang, Selangor baru-baru ini.

Program sehari itu antara lain menyelitkan mesej kepada Orang Asli mengenai bahaya *scammer*.

Pesan beliau kepada Orang Asli

di kampung terbabit: "Kita telah menyelesaikan banyak perkara di kampung ini termasuk Internet yang laju. Kita tak mahu *scammer* juga laju datang ke kampung ini."

Demikian antara nasihat beliau kepada penduduk terlibat yang menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam memastikan semua pihak mengambil langkah berwaspada terhadap jenayah penipuan dalam talian.

Fahmi berkata, di peringkat sekolah menengah pula, tumpuan kerajaan adalah pendedahan mengenai kaedah penggunaan Internet dan media sosial dengan selamat.

Langkah berkenaan bagi mengelak mereka daripada menjadi mangsa *scam* (penipuan dalam talian) dan jenayah lain yang ada dalam talian.

Selain itu, pihaknya turut melahirkan kebimbangan dengan jenayah siber yang menggunakan teknologi AI bagi menyebarkan kebencian melibatkan isu 3R (kaum, agama, institusi diraja).

Jenayah alaf baharu itu jika tidak dibendung sewajarnya mampu meletakkan negara di persimpangan yang bahaya, terutama kepada generasi muda kini.

TIDAK BERCAHUR GAUL

DALAM perkembangan lain beliau menarik perhatian semua pihak mengenai isu sosial dalam kalangan masyarakat dan kaitannya dengan media sosial.

Beliau mengambil contoh di sebuah perkampungan yang telah dijalankan pembuktian konsep

(POC) Starlink, sebagai alternatif kepada gentian optik bagi capaian talian telekomunikasi yang lebih baik.

"Namun di sebalik kelajuan capaian Internet, apa yang anak-anak buat? Apa yang remaja di sana buat? Asyik bermain TikTok."

"Mereka langsung tidak bercampur-gaul dengan masyarakat. Asyik dengan telefon pintar sahaja. Internet sudah diberi percuma, jadi saya harap selain membudayakan sikap waspada mengenai bahaya dalam talian, tetapi kemasyarakatan itu juga penting," tegas beliau.

NADI PACU INFORMASI KERAJAAN

SEMENTARA itu, beliau memberitahu Kampung Orang Asli Kelinsing dipilih menjadi kampung angkat kementerian sejak tahun lalu dengan beberapa fasiliti dan prasarana ditambah baik melibatkan kos RM4.3 juta.

Kos itu sebahagian besarnya ditampung pihak kementerian manakala Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyediakan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

"Harapan saya dengan beberapa prasarana ini, bukan hanya orang kampung di sini dapat manfaat tetapi lebih kurang 15 lagi kampung Orang Asli di Sepang akan dapat manfaatnya."

"Ada kios-kios jualan dan dengan NADI ini, komuniti dapat manfaat pembelajaran tentang sama ada geran bantuan selain kemahiran untuk keusahawanan terutamanya dalam e-dagang," tambahnya.



ANTARA kraf tangan hasil penduduk Orang Asli di Kampung Kelinsing yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan.

Pertingkat kemudahan

DEMI WILAYAH MAJU SEJAHTERA

KHAIRUL IDIN

DALAM usaha untuk menjadikan Labuan sebagai wilayah yang lebih maju dan sejahtera, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** menekankan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan ketersambungan (*connectivity*) di Labuan perlu dipertingkatkan.

Beliau yang telah mengadakan lawatan kerja bagi tahun pertama 2025 ke Labuan baru-baru ini, menyatakan antara usaha yang bakal dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut adalah penambahbaikan kemudahan sedia ada di Terminal Feri Antarabangsa Labuan untuk memastikan keselesaan para penumpang yang semakin meningkat.

“Penambahbaikan kemudahan ini akan memastikan keselesaan penumpang menggunakan perkhidmatan feri termasuklah peluasan kawasan menunggu dan pemasangan penyaman udara.

“Dengan penambahbaikan yang bakal dilaksanakan ini akan mampu meningkatkan aktiviti ekonomi Labuan khususnya dalam sektor pelancongan,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai rancangan menaik taraf terminal feri lama untuk pengoperasian bot ekspres penumpang, Zaliha berkata, pihaknya memerlukan data berkaitan mengenai kapasiti terminal dan bilangan trip yang beroperasi sebelum melaksanakan penambahbaikan terminal feri lama.



ZALIHA (tengah) ketika lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini.

“Untuk perancangan ini, kami memerlukan penelitian secara khusus kerana ia membabitkan pelbagai agensi dan saya mohon supaya Perbadanan Labuan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk meneliti apakah keperluan dan perkara yang perlu dilaksanakan bagi memastikan rancangan tersebut boleh dilaksanakan,” katanya.

Menyentuh mengenai kelewatan perkhidmatan feri Labuan-Kota Kinabalu-Labuan yang dijangka beroperasi pada hujung tahun lepas,

beliau akan mengadakan pertemuan bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor bagi membincangkan hal tersebut.

“Kami sudah bersedia untuk pengoperasian semula tetapi kena faham bahawa untuk kegunaan perkhidmatan itu memerlukan kedua-dua pihak (Labuan dan Sabah).

“Insya-Allah, saya sendiri akan cuba mendapatkan tarikh untuk bertemu dengan Ketua Menteri Sabah bagi membincangkan lebih lanjut pengoperasian semula perkhidmatan feri ini,” katanya. 📌



LOKASI penggemar sukan papan luncur.

Meluncur air di Sungai Pagar

TIDAK hanya kaya dengan kehidupan marin dan lautan membiru yang berlatarkan pemandangan matahari terbenam, terdapat beberapa pantai di pulau ini menjadi tumpuan penggemar sukan ekstrem papan luncur air tempatan dan luar.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan para penggemar sukan itu adalah di kawasan pantai Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Sungai Pagar.

Meskipun kadar ketinggian ombak di sekitar pantai pulau ini tidak mencapai seperti mana di kawasan lain namun ia tetap menjadi lokasi melepaskan gairah oleh penggemar sukan ekstrem itu.

Sukan ekstrem itu menjadi tumpuan khususnya apabila tiba musim Monsun Timur Laut iaitu sekitar bulan November hingga awal Mac setiap tahun yang mana menghasilkan gelombang besar dan tiupan angin yang kuat sekali gus menghasilkan ombak tinggi dan cantik ketika melakukan aktiviti meluncur.

Bagi seorang penggemar sukan papan luncur, **Edzrie Syariz**, 44, menyifatkan Labuan sebuah

pulau yang istimewa kerana pelbagai aktiviti sukan boleh dilakukan termasuk sukan ekstrem papan luncur air.

Katanya, setiap hujung minggu sekitar pantai di pulau ini khususnya di Pantai Sungai Pagar menjadi meriah serta dihidupkan oleh penggemar sukan lasak ini.

“Walaupun sering dianggap sebagai sukan yang berbahaya

namun bagi saya ini adalah satu sukan yang memberikan kepuasan.

“Di Labuan, terdapat dua lokasi yang sering menjadi tumpuan, namun Pantai Sungai Pagar UMSKAL ini lebih menjadi pilihan kami kerana ombak di kawasan ini lebih mencabar.

“Ketika ini musim Monsun Timur Laut, saya dan rakan tidak melepaskan peluang untuk melakukan sukan ini kerana ia amat bergantung kepada keadaan ombak yang sesuai.

“Walaupun keadaan ombak di sini tidak sehebat di tempat lain namun saya bersyukur kerana di sini masih boleh melepaskan gairah untuk melakukan sukan ini,” katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Seorang lagi penggemar sukan itu, **Amirul Azlin Samat**, 44, dia bersama rakan-rakannya tidak menafikan bahawa sukan air itu menjadi satu fenomena baharu kepada Labuan di samping bakal menjadi salah satu tarikan yang mampu menarik pengunjung luar ke pulau itu.

Katanya, dengan keindahan alam yang dimiliki Labuan ditambahkan lagi dengan aktiviti sukan papan luncur air ini, sudah tentunya menjadi satu nilai tambah kepada Labuan khususnya dalam pelancongan.

“Bagi saya, sukan ini berpotensi untuk dikembangkan sebagai salah satu sukan rekreasi yang ada di Labuan.

“Selain itu, dengan adanya sukan ini ia akan membantu sosioekonomi tempatan khususnya para peniaga kecil yang berniaga di sekitar kawasan ini,” katanya. 📌



AMIRUL



EDZRIE

Naik taraf TABIKA, taska



RAFFI (tengah) pada Majlis Apresiasi Kanak-Kanak TABIKA KEMAS.

SEBANYAK 19 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) dan dua Taska Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di pulau bebas cukai ini bakal dinaik taraf dengan penyaluran peruntukan hampir RM1.1 juta oleh KEMAS Wilayah Persekutuan.

Menurut Pengerusi Penasihat

GIATMARA Labuan, **Datuk Raffi Datuk Aili Hassan**, peruntukan tersebut diluluskan oleh KEMAS Wilayah Persekutuan dan kerja menaik taraf akan dilaksanakan secara berperingkat bermula Februari ini.

“Sejumlah RM500,000 akan disalurkan bagi naik taraf 10 buah

TABIKA dan selebihnya akan dilaksanakan pada tahun hadapan,” katanya pada Majlis Apresiasi Kanak-Kanak TABIKA KEMAS peringkat Labuan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Hadir sama Penolong Pengarah Kanan Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS Wilayah Persekutuan, Suzana Idayu Abdul Shukur dan Pegawai KEMAS Daerah Labuan, Gilbert Julian.

Dalam pada itu, Raffi turut memaklumkan sebanyak empat TABIKA KEMAS di Labuan telah melaksanakan Program Tabika Pra Tahfiz bagi memperkasa pendidikan Al-Quran kepada kanak-kanak.

Katanya, meskipun masih baharu namun berdasarkan data yang diperolehi daripada tenaga pengajar jelas menunjukkan pencapaian yang amat baik.

“Untuk ketika ini hanya empat TABIKA yang mula program ini dan kami akan berusaha dan pastikan agar kesemua 19 TABIKA dan dua Taska di Labuan dapat melaksanakan Program Tabika Tahfiz ini,” katanya. 📌

Festival Ramadan Putrajaya 2025

RANCAK EKONOMI KOMUNITI

SABRINA SABRE

KELAB Usahawan Putrajaya (KUPPutra) menjalin kerjasama strategik dengan Raydiates Blue Sdn Bhd bagi menganjurkan Bazar Aidilfitri Anjung Syawal sempena Festival Ramadan Putrajaya 2025 sebagai usaha merancang ekonomi komuniti usahawan di Putrajaya.

Menurut Pengerusi KUPPutra, **Mimi Afzan Abdul Majid**, inisiatif bersama itu selaras dengan misi kelab untuk memupuk usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta membina rangkaian komuniti yang kukuh di Putrajaya.

"Kami komited untuk menjadi platform yang membimbing ahli ke arah pembangunan perniagaan yang berdaya maju.

"KUPPutra mahu melahirkan usahawan yang bertanggungjawab, inovatif, kreatif serta berwawasan dalam merebut peluang perniagaan yang ada," katanya.

Ditubuhkan pada 21 Mei 2018, KUPPutra menghimpunkan peserta Program Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (PEB-IPiK) Putrajaya sejak 2014, yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan kini diteruskan



ANJUNG Syawal di Festival Ramadan Putrajaya 2025 bertemakan 'Memori Ramadan, Aspirasi Lebaran'.

oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

Sementara itu, Pengarah Urusan Raydiates Blue Sdn Bhd, Rayme Zainal pula menyatakan pihaknya berbangga dengan kolaborasi bersama KUPPutra dalam penganjuran festival yang bakal berlangsung selama sebulan

bermula 28 Februari depan.

"Kerjasama ini membuka peluang kepada komuniti usahawan tempatan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka melalui pelbagai aktiviti serta pameran sepanjang festival.

"Festival ini tidak hanya

memartabatkan seni dan budaya Islam, tetapi turut menyediakan platform rangkaian yang penting untuk perkembangan perniagaan usahawan," katanya.

Dalam masa sama, Rayme berkata, pihaknya mengalu-alukan lebih banyak pertubuhan dan

persatuan untuk bersama-sama menjayakan inisiatif pembangunan komuniti usahawan di Putrajaya.

"Putrajaya telah berjaya menempatkan diri sebagai destinasi pelancongan dan penganjuran acara bertaraf antarabangsa.

"Limpahan ekonomi daripada kedudukan strategik ini perlu dimanfaatkan oleh komuniti usahawan tempatan untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan menyumbang kepada nilai tambah bandar pintar ini," katanya.

Raydiates Blue, sebuah syarikat milik Bumiputera yang pernah dilantik PPj sebagai penganjur Bazar Aidilfitri terbesar di Lembah Klang sekali lagi diberi kepercayaan untuk menganjurkan Anjung Syawal bagi Festival Ramadan Putrajaya 2025.

Festival berkenaan dijangka menjadi platform penting untuk menjana ekonomi komuniti setempat dan memupuk sinergi dalam kalangan usahawan tempatan.

Untuk maklumat lanjut serta tempahan ruang niaga boleh hubungi talian **013-508 6807**.

Pupuk gaya hidup sihat

LEBIH 300 peserta meliputi semua lapisan masyarakat menyertai Karnival Komuniti Sihat Sejahtera yang berlangsung di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya pada Ahad.

Karnival ini melibatkan kerjasama erat beberapa organisasi seperti Klinik Kesihatan (KK) Presint 11 Putrajaya, Panel Penasihat KK dan Kawasan Rukun Tetangga Presint 11, Perbadanan Putrajaya, Komuniti MADANI, Majlis Perwakilan Zon 4 Putrajaya dan Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sepanjang karnival berlangsung, pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, sesi pendidikan kesihatan serta program kesedaran mengenai penyakit tidak berjangkit (NCD), kanser payudara, kanser serviks, pemeriksaan sendiri testis dan kanser prostat, kanser kolorektal, teknik CPR serta amalan sentuhan selamat dan kebersihan tangan untuk kanak-kanak.

Para peserta turut diberi peluang untuk mempelajari kepentingan kesihatan mental melalui ceramah dan sesi interaktif.

Menurut Ketua Jururawat KK Presint 11, **Raslinally Ramly**, program anjuran pelajar Sarjana Muda Kejururawatan NHSN8C di bawah Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (iCEPS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini dilaksanakan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya gaya hidup sihat serta kesejahteraan mental dan fizikal.



ANTARA aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival berlangsung.

"Secara keseluruhannya, Program Komuniti Sihat Sejahtera ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran kesihatan, bahkan sebagai wadah untuk memperkukuhkan hubungan antara pelbagai pihak dalam komuniti.

"Dengan usaha bersama, program ini dapat mencapai matlamatnya untuk mewujudkan komuniti yang lebih sihat, sejahtera dan berpengetahuan," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau turut meluahkan rasa syukur atas sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa semangat kolaborasi mampu membawa perubahan positif kepada

komuniti.

"Karnival ini bukan sahaja memberikan impak positif kepada peserta malah turut membantu para pelajar UiTM meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan pengurusan.

"Inisiatif ini bukan sahaja memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari, malah turut memperkukuhkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan pengurusan yang sangat penting dalam kerjaya mereka," katanya.

Terdahulu, majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif iCEPS UiTM, Profesor Dr Faizah Abd Majid.

Bantu tingkat mutu perkhidmatan

ANDA pengguna perkhidmatan bas Nadiputra Putrajaya? Jom sertai Kaji Selidik Perkhidmatan Bas Nadiputra dengan mengimbas kod QR seperti tertera.

Maklum balas anda akan membantu pihak Perbadanan Putrajaya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pada masa hadapan.

Tempoh kaji selidik ini dijalankan dari 1 November 2024 hingga 31 Januari 2025.

**KAJI SELIDIK PERKHIDMATAN
BAS NADIPUTRA 2024**
NADIPUTRA BUS SERVICE SURVEY 2024

**Bantu kami tingkatkan
mutu perkhidmatan dengan
maklum balas anda!**

Help us improve our services by sharing
your feedback!

1 NOVEMBER 2024 - 31 JANUARI 2025
1 NOVEMBER 2024 - 31 JANUARY 2025

Imbas untuk sertai
Scan to participate

Tingkat motivasi pemain

RM30 JUTA BUAT HARIMAU MALAYA

SABRINA SABRE

PENINGKATAN peruntukan sehingga RM30 juta buat Harimau Malaya akan memberi kesan positif buat pasukan kebangsaan untuk mendapatkan keputusan lebih baik pada masa akan datang.

Menurut Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), **Tan Sri Hamidin Mohd Amin**, badan induk itu akan menggunakan peruntukan itu sebaik mungkin bagi meningkatkan program pembangunan pasukan kebangsaan di setiap peringkat.

"Dana ini juga akan digunakan oleh FAM bagi aspek pengurusan organisasi untuk memacu perubahan bagi memastikan para pemain skuad kebangsaan mendapat sokongan yang terbaik daripada tenaga pakar yang dilantik.

"Peruntukan tambahan ini juga pastinya akan meningkatkan motivasi pemain skuad kebangsaan untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.


"FAM berbesar hati dengan pengumuman Perdana Menteri dan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada beliau," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Di samping itu, Hamidin

turut menjunjung kasih kepada Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail yang sentiasa prihatin serta memberikan sokongan dan bantuan kepada FAM dalam usaha meningkatkan prestasi skuad Harimau Malaya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM15 juta yang diumumkan pada Belanjawan 2025 khusus untuk pembangunan sukan bola sepak digandakan kepada RM30 juta dengan RM15 juta bakal dibiayai pihak swasta.

Beliau menjelaskan peruntukan itu akan diguna bagi meningkatkan program pembangunan Harimau Malaya di setiap peringkat selain mempersiapkan skuad negara agar lebih kompetitif dalam setiap kejohanan antarabangsa disertai.

Dalam masa sama, Anwar juga berharap agar rakyat Malaysia terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada pasukan Harimau Malaya termasuk pasukan pengurusan dalam mengangkat nama Malaysia ke peringkat tertinggi dan setanding nama besar bola sepak antarabangsa. 



SUKAN bola sepak amat dekat di hati rakyat Malaysia.

Koleksi ketiga gelaran dunia buat Natasha

JAGUH boling negara, Natasha Mohamed Roslan melakar satu lagi sejarah buat Malaysia apabila berjaya menakluk pentas dunia dengan menjuarai Piala Dunia Persatuan Boling Antarabangsa (IBF) di Kowloon, Hong Kong pada Jumaat.

Pemenang pingat emas Kejohanan Tenpin Boling Dunia 2023 itu sekali gus menamatkan kemarau 53 tahun negara tanpa kejuaraan kategori individu wanita di kejohanan berkenaan sejak dipertandingkan pada tahun 1972.

Menurut laman sesawang ABF Online, atlet berusia 28 tahun itu menewaskan peserta Jerman iaitu Birgit Noreiks 217-166, 226-169 pada aksi final.

Ia juga menjadi koleksi gelaran dunia ketiga buat atlet kelahiran Selangor itu selepas mengungguli Kejohanan Tenpin Boling Dunia 2023 di Salmiya, Kuwait dan menjuarai kejohanan sama dalam acara berpasukan wanita bersama Li Jane, Syaidatul Afifah Badrul Hamidi, Siti Safiyah Amirah Abdul Rahman serta Datuk Shalin Zulkifli pada edisi 2017 di Las Vegas, Amerika Syarikat.

Kejayaan berganda yang dikecapi bintang boling negara itu membuatnya bakal menerima pengiktirafan daripada Malaysian Book of Records (MBOR) sebagai atlet wanita pertama yang memenangi Piala Dunia IBF.

Sementara itu, dalam final individu lelaki, bekas juara dunia 2018, Muhammad




NATASHA bersama skuad boling negara pamer aksi cemerlang di Kowloon, Hong Kong.

Rafiq Ismail terlepas kejuaraan kepada wakil China, Du Jian Chao. Pertandingan berakhir dengan keputusan 223-222, 166-216 dan 193-235.

Di samping itu, skuad boling lelaki negara yang terdiri daripada Timmy Tan, Ahmad Muaz Mohd Fishol, Muhammad Rafiq Ismail dan Tun Hakim Tun Hasnul Azam turut mencipta sejarah apabila buat pertama kali merangkul trofi Piala Dunia IBF pada Selasa.

Pada aksi final di Top Bowl, Kai Tak Sports Park, pasukan negara berdepan cabaran hebat untuk menewaskan Puerto Rico 3-2 (203-179, 216-257, 197-180, 185-222, 227-161).

Ini adalah gelaran pertama untuk pasukan lelaki negara sejak acara berpasukan diperkenalkan pada 2022 di mana mereka tewas 2-3 kepada Filipina pada suku akhir edisi terdahulu di Queensland, Australia. 

The Speedy Jantan bakal bersara?

BEKAS raja pecut negara, **Khairul Hafiz Jantan** memberi bayangan akan bersara sekiranya tidak layak ke Sukan SEA di Thailand, pada 7 hingga 19 Disember tahun ini.


Atlet kelahiran Melaka itu berkata, dia akan memberikan tumpuan untuk melayakkan diri ke temasya dwitahunan itu pada Kejohanan Terbuka Malaysia tahun ini.

"Saya tidak mahu terlalu berikan tekanan kepada diri dan tidak terlalu berharap untuk ke Sukan SEA sebab tahu kondisi badan saya macam mana.

"Andai tak dapat ke Sukan SEA, saya bersara cara baik. Waktu itu sudah bersedia (untuk bersara). Saya sudah main olahraga selama 10 tahun dan tiba masanya untuk pelapis mewakili Malaysia," katanya yang tidak menolak kemungkinan kariernya semakin menghampiri titik noktah.

Atlet berusia 27 tahun yang sering dibelenggu kecederaan sebelum ini itu berkata demikian dalam satu video berdurasi 1 minit 04 saat (s) yang dimuat naik di YouTube Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) pada Selasa.

Terdahulu, atlet yang terkenal dengan julukan The Speedy Jantan itu mencipta sejarah tersendiri apabila menamatkan penantian emas 14 tahun Malaysia dalam acara reben biru pada Sukan SEA 2017 di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Raja Pecut Asia Tenggara 2017 itu merekodkan larian selama 10.38s, mendahului juara bertahan Eric Cray dari Filipina (10.43s) manakala pelari Thailand, Kritsada Nasuwun (10.43s) berada di kedudukan ketiga. 

MALAYSIA DESTINASI UNIK

DEEL ANJER

MALAYSIA sememangnya terkenal dengan lokasi pelancongan menarik. Setiap negeri mahupun daerah yang ada di negara ini memiliki kekuatannya yang tersendiri untuk menarik kehadiran pelancong. Malah, sektor pelancongan juga merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026), pelbagai kempen dilaksanakan bagi

mempromosi destinasi unik negara ini yang mencerminkan identiti berbilang kaum serta budaya.

Destinasi pelancongan dalam negara bukan sahaja menjadi pilihan pelancong luar bahkan selebriti popular seperti Ernie Zakri, Syamel dan Nadeera juga menyifatkan banyak kelebihan yang diperolehi jika rakyat Malaysia melancong di dalam negara.

Banyak kelebihan tersendiri


PENYANYI yang popular dengan lagu Bukan Lagi Kita, **Nadeera** berpendapat bercuti dalam negara banyak kelebihan berdasarkan pengalamannya sebelum ini.

"Kita sebagai rakyat Malaysia perlu menghayati semua lokasi menarik yang ada di dalam negara. Bukan sahaja banyak tempat yang boleh dilawati malah kos yang dikeluarkan juga lebih rendah.

"Selain itu, barangan luar negara tidak semestinya harga yang murah serta tidak perlu bersusah-susah mahu tukar mata wang asing jika mahu bercuti di dalam negara," ujarnya.

Tambahnya, bak kata pepatah, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Katanya, rakyat Malaysia perlu mencari tahu lokasi menarik dalam negara dengan membuat sedikit kajian.

"Kita ada 13 buah negeri, saya yakin setiap daripadanya mempunyai lokasi unik yang wajib dilawati. Terdapat pelbagai budaya yang boleh dipelajari tentang negara sendiri. Tak kenal maka tak cinta," ujarnya lagi. 



Jana ekonomi negara

SEKTOR pelancongan berupaya menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan kesan limpahan kepada sektor ekonomi lain yang berkaitan.


Bagi penyanyi **Syamel**, pelancongan dalam negara boleh membantu ke arah perkara tersebut sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Pelancongan di Malaysia adalah salah satu sektor ekonomi penting menyumbang kepada pendapatan negara. Sebut saja industri pelancongan. Ia pasti berkait rapat dengan sektor ekonomi. Misalnya kalau kita melancong, ia sudah tentu melibatkan pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada ekonomi.

"Ia merangkumi aktiviti dan perkhidmatan yang dibekalkan untuk memenuhi keperluan pelancong seperti pengangkutan, penginapan, makanan dan sebagainya. Kita nampak ini semua ada kaitan dan saling bergantung.

"Ini secara tidak langsung membantu menjana ekonomi penduduk setempat yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Suami kepada Ernie Zakri ini juga melihat pelancongan dalam Malaysia boleh membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Kadar pengangguran boleh dikurangkan apabila industri pelancongan menjana peluang pekerjaan yang besar untuk rakyat Malaysia. Maknanya apabila kita melancong atau bercuti dalam negara, kita sebenarnya membantu rakyat negara ini juga," tambahnya lagi. 



Bangga bawa lagu TMM2026

PENYANYI Ernie Zakri mengakui sangat bertuah apabila dipilih menjadi penyanyi lagu tema bagi Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026) yang berjudul Surreal Experiences.

Bagi pelantun lagu Masing Masing ini, sebagai rakyat Malaysia yang membesar dengan lagu Cuti-Cuti Malaysia, dia berasa bangga dapat menyanyikan lagu tema TMM2026.


"Tak tahu nak kata apa kerana terlalu teruja. Saya tahu ia sesuatu yang besar dan sangat bermakna untuk seseorang menyanyikan lagu Kempen Tahun Melawat Malaysia itu.

"Menyanyikan lagu ini bukan sahaja memenuhi kerjaya sebagai penyanyi, tetapi ini merupakan tanggungjawab bermakna sebagai rakyat Malaysia. Sejajarnya saya bangga menyanyikan lagu yang mencerminkan Malaysia," katanya.

Ernie juga menyifatkan peluang yang diberikan pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) itu merupakan amanah buatnya untuk negara tercinta.

Dalam masa yang sama, dia turut mengagumi persembahan vokal Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dalam menyampaikan lagu keramat Cuti-Cuti Malaysia pada edisi terdahulu.

"Saya sangat mengagumi 'rendition' beliau dalam lagunya itu. Malah saya juga pernah nyanyikan lagu tersebut dalam pertandingan. Alhamdulillah ini rezeki yang Allah beri, bersyukur atas peluang dan perhatian kerana saya juga masih baru dalam industri. Ini adalah momen terbaik yang saya kecapai," tambahnya lagi.

Baru-baru ini, Malaysia dengan bangganya melancarkan Kempen TMM2026 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Hangar 6, Kompleks Kejuruteraan MAB. MOTAC sebelum ini menasaskan ketibaan 35.6 juta pelawat antarabangsa dengan anggaran pendapatan sebanyak RM147.1 bilion sepanjang TMM2026. 



Bangga
bawa lagu
TMM2026
▶▶23

RM30 juta buat
Harimau Malaya ▶▶22

Jika bantuan mendorong pelaku ulangi fitnah

SUMBANGAN JATUH HARAM

AZLAN ZAMBRY

KONTROVERSI mengenai penggunaan istilah Derma Jihad untuk membiayai pembayaran saman fitnah telah mencetuskan perdebatan hangat Malaysia sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai etika, agama dan masyarakat.

Intipati utama isu berkenaan adalah persepsi sama ada derma tersebut selaras dengan prinsip jihad yang biasanya difahami sebagai perjuangan atau usaha di jalan kebenaran atau sama ada ia mewakili penyelewengan dana yang bertujuan untuk tujuan mulia.

Ramai yang berpendapat bahawa amalan ini menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap kesucian agama serta dengan tindakan meminta sumbangan amal.

Polemik ini telah mencetuskan persoalan tentang sempadan retorik agama dalam mengumpulkan dana,



JAMALI

akauntabiliti dan tanggungjawab mereka yang meminta sokongan orang ramai.

Menurut Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Mohd Adnan**, secara asasnya, hukum membantu seseorang adalah harus, sama ada bantuan tersebut berbentuk fizikal mahupun material.

"Namun begitu, adakalanya sesuatu bantuan tersebut dilarang kerana perkara-perkara lain seperti bantuan yang boleh mendorong kepada perbuatan yang salah, membawa kemudaratatan atau sebagainya," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Jamali, berkait dengan seseorang yang diarahkan oleh mahkamah untuk

membayar ganti rugi terhadap orang lain kerana mahkamah mendapati bahawa dia telah mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap individu tersebut, maka secara asasnya sesiapa sahaja boleh membantu untuk membayar denda atau saman yang dikenakan.

"Ia dibolehkan selagi mana orang yang memberikan sumbangan itu tidak bermaksud untuk menggalakkan kesalahan tersebut," kata beliau.

Jelas beliau, begitu juga seseorang yang ingin membantu orang lain dalam pembayaran denda atau saman, dia hendaklah memastikan bahawa orang tersebut menginsafi perbuatan salah yang dilakukan bagi memastikan sumbangan itu tidak digunakan untuk mengulangi kesalahannya.

"Jika tidak, pemberian bantuan tersebut akan menjadikan seseorang yang melakukan kesalahan itu akan memandang ringan terhadap kesalahan yang dilakukan.

"Sebaliknya jika seseorang yang memberikan sumbangan tersebut bertujuan untuk mendorong pelaku sesuatu kesalahan tersebut mengulanginya lagi, maka dalam keadaan ini pemberian sumbangan tersebut adalah haram.

"Hal ini demikian berdasarkan kepada firman Allah SWT: "...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...". [Surah al-Mā'idah: 2]," katanya.

Jamali berkata, secara kesimpulannya, berdasarkan kepada penjelasan di atas, maka bantuan untuk membayar denda bagi pihak yang disabitkan di mahkamah boleh dilakukan dengan syarat tertentu.

"Orang tersebut telah menginsafi



BANTUAN yang mendorong kepada perbuatan salah adalah dilarang. - Gambar hiasan

perbuatan salah yang dilakukan bagi memastikan sumbangan itu tidak digunakan untuk mengulangi kesalahannya.

"Sumbangan diberikan untuk tujuan ganti rugi bukan tujuan untuk menyokong perbuatan salahnya," katanya.

SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR